

**VOT 75061**

**KAJIAN TAHAP KERESAHAN DI KALANGAN PELAJAR BAHASA ASING  
TERHADAP MATA PELAJARAN BAHASA ASING**

**(A STUDY OF THE ANXIETY LEVEL OF FOREIGN LANGUAGE STUDENTS TOWARD  
FOREIGN LANGUAGE LEARNING)**

**WAN ZARINA WAN ZAKARIA**

**AZIZAH RAJAB**

**NORFAZILA SAYUTI**

**NUR AL-HUDA HASHIM**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**2007**

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah s.w.t. yang Maha Pengasih lagi Penyayang dan selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Syukur ke hadrat Allah kerana dengan izinNya penyelidikan dan laporan ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada pihak RMC kerana telah memberi sokongan yang sepenuhnya terhadap penyelidikan ini.

Ucapan terimakasih diucapkan kepada kumpulan pelajar TESL dan Umum yang mengikuti kursus bahasa Jepun kerana telah memberikan kerjasama meluangkan masa menjawab borang soal-selidik yang diedarkan.

Penghargaan juga diberikan kepada sesiapa yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu projek penyelidikan ini. Tanpa kerjasama dan sokongan mereka, penyelidikan ini tidak akan menjadi kenyataan.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap keresahan dan kebimbangan pelajar Universiti Teknologi Malaysia yang mengikuti kelas bahasa asing terhadap mata pelajaran tersebut. Objektif kajian ialah mengenalpasti tahap keresahan dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keresahan seseorang pelajar. Antara faktor keresahan yang diberi penekanan ialah keresahan berkomunikasi, keresahan terhadap penilaian negatif, perasaan umum terhadap keresahan dan keseluruhan tahap keresahan. Kajian ini juga dijalankan untuk membuat perbandingan bagi tahap keresahan berdasarkan kursus, jantina dan bangsa pelajar. Maklumat kajian diperolehi melalui soal-selidik Foreign Language Classroom Anxiety Scale yang telah diadaptasi daripada Horwitz (1983) yang mengandungi 33 item untuk memenuhi matlamat dan objektif kajian. Instrumen kajian ini menggunakan skala lima mata berdasarkan kepada skala terendah “Sangat Setuju” kepada skala tertinggi “Sangat Tidak Setuju”. Data analisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 10.0 Windows dan melibatkan penggunaan peratusan, statistik deskriptif yang melibatkan penghitungan min dan kekerapan, analisis ujian- t, ANOVA dan analisis LSD. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keresahan pelajar bahasa asing berada tahap yang tinggi bagi faktor-faktor keresahan berkomunikasi, keresahan terhadap penilaian negatif dan perasaan umum terhadap keresahan. Bagi keseluruhan tahap keresahan, pelajar berbangsa Melayu dan Cina menunjukkan tahap keresahan yang tinggi berbanding pelajar India dan lain-lain bangsa.

## ABSTRACT

A study was conducted to determine and compare the perceptions of University Teknologi Malaysia students towards the feeling of anxiety they experienced when learning the foreign language. Specifically, the objective of the study was to investigate and compare the perception of two groups of students taking the foreign language subject based on of the factors that contribute to the feeling of anxiety. Among the factors studied were communication apprehension, fear of negative evaluation, general feeling of anxiety and overall anxiety. Numerous variables that may affect the level of anxiety such as the student's course, gender and race were studied. The instrument used for the survey was adapted from Horwitz's (1983) questionnaire. This Foreign Language Classroom Anxiety Scale (FLCAS) was designed to measure the levels of anxiety experienced by the foreign language students based on performance-related tasks. The questionnaire contained 33 items, each one on a 5-point Likert scale ranging from "strongly agree" (point 1 scale) to "strongly disagree" (point 5 scale). The data obtained were analyzed using SPSS version 10.0 Windows and were represented in the form of descriptive statistics which include percentages, mean, t-score, one-way analysis of variance (ANOVA) and the Least Significant Difference (LSD). The findings of the study indicate that students experienced some levels of anxiety in response to some aspects of foreign language learning. For the overall anxiety, Chinese and Malay students showed a higher level of anxiety compare with the Indian and other races students.

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	PENGHARGAAN	ii
	ABSTRAK	iii
	KANDUNGAN	iv
	SENARAI JADUAL	viii
	HIPOTESIS	x
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Matlamat Kajian	7
	1.6 Objektif Kajian	7
	1.7 Kepentingan Kajian	8
	1.8 Skop Kajian	8
	1.9 Definisi Konsepsual dan Operasional	9
	1.10 Batasan Kajian	11

## **BAB II KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Pembelajaran Bahasa Asing	12
2.3	Takrif Keresahan	14
2.4	Faktor-faktor Keresahan Bahasa Asing	15
2.5	Faktor-faktor Keresahan Bahasa Asing	15
2.5.1	Keresahan Berkomunikasi	16
2.5.2	Keresahan Terhadap Penilaian Negatif	17
2.5.3	Keresahan Umum	18
2.5.4	Tanggapan Terhadap Mata Pelajaran	19
2.6	Kajian-kajian Berkaitan Keresahan Terhadap Pembelajaran Bahasa Asing	20

## **BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	22
3.2	Rekabentuk Kajian	22
3.3	Sampel Kajian	23
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	24
3.4.1	Data Primer	24
3.4.2	Data Sekunder	24
3.5	Instrumen Kajian	25
3.5.1	Kebolehpercayaan Instrumen	26
3.5.2	Permakatan Manual	27
3.6	Kaedah Analisis Data	28

## BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	30
4.2	Latar Belakang Responden	30
4.2.1	Kumpulan Responden	30
4.2.2	Jantina Responden	31
4.2.3	Bangsa Responden	31
4.3	Deskriptif Item	32
4.3.1	Maklumbalas Responden Terhadap Faktor “Kebimbangan Komunikasi”	32
4.3.2	Maklumbalas Responden Terhadap Faktor “Penilaian Negatif”	36
4.3.3	Maklumbalas Responden Terhadap Faktor “Perasaan Umum Terhadap Faktor Keresahan”	39
4.4	Analisis Tahap Setiap Faktor Keresahan	44
4.5	Analisis Tahap Mengikut Jantina, Kursus dan Bangsa	45
4.5.1	Analisis Keresahan Mengikut Jantina	45
4.5.2	Analisis Keresahan Mengikut Kursus	46
4.5.3	Analisis Keresahan Mengikut Bangsa	47
4.6	Analisis Inferensi-Perbandingan	49
4.6.1	Analisis Ujian-t Perbandingan dari Segi Jantina	49
4.6.2	Analisis Ujian-t Perbandingan dari Segi Kursus	51
4.6.3	Analisis Skor Min dan ANOVA Sehala Perbandingan dari Segi Bangsa	52
4.6.3.1	Ujian LSD bagi Perbezaan Pasangan Min dari Segi Bangsa	54

**BAB V****PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	57
5.2	Perbincangan	57
5.3	Perbincangan Berhubung dengan Analisis Diskriptif Subjek	58
5.3.1	Mengikut Jantina	59
5.3.2	Mengikut Kursus	59
5.3.3	Mengikut Bangsa	60
5.4	Perbandingan Tahap Keresahan	61
5.5	Kesimpulan	62
5.6	Cadangan	63
5.5.1	Cadangan Umum	63
5.5.2	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	65
5.7	Penutup	
	<b>RUJUKAN</b>	67
	<b>LAMPIRAN</b>	A



<b>No. Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka surat</b>
3.1	Bahagian Soalan Dalam Borang Soal Selidik	25
3.2	Pilihan Jawapan Bagi Soalan Dalam Bahagian Dua	26
3.3	Pecahan Nilai Alpha Untuk Setiap Sub-Skala	27
3.4	Jumlah Item Bagi Setiap Sub-Skala	27
3.5	Permakatan Skor Bagi Setiap Sub-Skala	28
4.1	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Kumpulan	31
4.2	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	31
4.3	Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	32
4.4	Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Yang Di Kaji Dalam Kebimbangan Berkomunikasi	34
4.5	Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Yang Dikaji Dalam Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif	37
4.6	Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Yang Dikaji Dalam Perasaan Umum Terhadap Keresahan	42
4.7	Analisis Tahap Setiap Faktor Keresahan	44
4.8	Analisis Tahap Keresahan Bagi “Kebimbangan Berkomunikasi” “Perasaan Takut Kepada Penilaian Negatif, “Perasaan Umum Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Mengikut Jantina	45
4.9	Analisis Tahap Keresahan Bagi “Kebimbangan Berkomunikasi” “Perasaan Takut Kepada Penilaian Negatif, “Perasaan Umum Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Mengikut Kursus	47
4.10	Analisis Tahap Keresahan Bagi “Kebimbangan Berkomunikasi” “Perasaan Takut Kepada Penilaian Negatif, “Perasaan Umum Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Mengikut Bangsa	47

4.11	Analisis Ujian –t Perbandingan Bagi “Kebimbangan Berkomunikasi” “Perasaan Takut Kepada Penilaian Negatif, “Perasaan Umum Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Mengikut Jantina	50
4.12	Analisis Ujian –t Perbandingan Bagi “Kebimbangan Berkomunikasi” “Perasaan Takut Kepada Penilaian Negatif, “Perasaan Umum Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Mengikut Kursus	52
4.13	Analisis Ujian –t Perbandingan Bagi “Kebimbangan Berkomunikasi” “Perasaan Takut Kepada Penilaian Negatif, “Perasaan Umum Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Mengikut Bangsa	53
4.14	Analisis ANOVA Sehalu Perbandingan Bagi “Kebimbangan Berkomunikasi” “Perasaan Takut Kepada Penilaian Negatif, “Perasaan Umum Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan“ Mengikut Bangsa	54
4.15	Analisis Ujian LSD Perbandingan “Kebimbangan Berkomunikasi” Dari Segi Bangsa	55
4.16	Analisis Ujian LSD Perbandingan “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif” Dari Segi Bangsa	55
4.17	Analisis Ujian LSD Perbandingan “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” Dari Segi Bangsa	56
4.18	Analisis Ujian LSD Perbandingan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Dari Segi Bangsa	56

<b>No. Hipotesis</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka surat</b>
1	Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Di Antara “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Dari Segi Jantina.	49
2	Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Di Antara “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Dari Segi Kursus.	51
3	Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Di Antara “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Dari Segi Bangsa.	52

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pada dekad kebelakangan ini, kepentingan mempelajari bahasa asing semakin mendapat perhatian menyeluruh dari pelbagai lapisan masyarakat. Kesedaran ini amat berkait rapat dengan permintaan semasa terhadap penggunaan bahasa asing yang amat meluas di peringkat antarabangsa. Sama ada bahasa Mandarin, bahasa Jepun, atau bahasa Perancis, setiap bahasa itu mempunyai kelebihan dan keutamaannya yang tersendiri dalam sektor atau skop yang berbeza.

Rentetan itu, kebanyakan institusi pengajian tinggi tempatan menawarkan mata pelajaran bahasa asing tertentu sebagai pelengkap kepada kursus yang diambil. Pembelajaran bahasa asing boleh dikatakan suatu penerapan ilmu yang baru memandangkan para pelajar akan mempelajari suatu cara pertuturan yang sama sekali berbeza dengan bahasa ibunda yang sering digunakan sehari-hari. Pemahaman, tatabahasa, penulisan dan penyebutan bahasa asing tersebut bakal mewujudkan suatu pengalaman yang menarik dan menyeronokkan bagi para pelajar yang terlibat.

Namun begitu, pembelajaran bahasa asing ini juga boleh menimbulkan keadaan yang sebaliknya jika apa yang dikenali sebagai tahap kebimbangan atau keresahan wujud dalam diri seseorang pelajar itu. Keadaan ini terjadi memandangkan pelajar perlu mempelajari bahasa baru yang dianggap mencabar dan berbeza sama sekali daripada bahasa yang dipertuturkan setiap hari. Tambahan pula, kesukaran yang dialami semasa

sesi pembelajaran tersebut mungkin boleh menyebabkan tahap keresahan ini semakin kritikal.

Perasaan resah dan bimbang yang dialami terhadap suatu perkara yang baru ditempuhi adalah dianggap normal. Malah, pada masa tertentu, perasaan ini mungkin akan mendatangkan kelebihan kepada para pelajar dalam beberapa aspek yang berkaitan. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan di sini bahawa tahap keresahan dan kebimbangan yang melampau bakal menimbulkan keadaan yang lebih tidak menentu kepada pelajar dan berkemungkinan besar mempengaruhi prestasi dan keputusan akademik mereka dalam mata pelajaran bahasa asing yang dipelajari itu.

Keresahan atau kebimbangan merupakan suatu terma yang mata pelajarantif untuk didefinisikan. Gabungan beberapa karakteristik yang nyata seperti tekanan, gementar, dan takut mampu menyumbang kepada perasaan ini. Banyak faktor perlu dipertimbangkan dalam mengkaji tahap keresahan ini sama ada ia secara langsung atau sebaliknya. Menurut Casado dan Dereshiwsky (2001), kebanyakan kajian yang dijalankan terhadap hubungan antara keresahan atau kebimbangan dengan pembelajaran bahasa asing mengemukakan hasil kajian yang bercampur aduk dan mengelirukan. Ini disebabkan kewujudan beberapa elemen yang dilihat boleh mempengaruhi pembelajaran tersebut. Apa yang pasti, hampir kesemua kajian yang telah dijalankan menjurus kepada sejauhmana faktor keresahan dan kebimbangan ini boleh mempengaruhi pencapaian dan gred pelajar dalam mata pelajaran bahasa asing ini.

Tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami oleh pelajar adalah berbeza-beza mengikut mata pelajaran bahasa asing yang diambil. Pendedahan yang diterima terhadap bahasa asing yang dipelajari serta budaya yang diwakili oleh bahasa tersebut memainkan peranan yang bukan sedikit terhadap reaksi pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Sebagai contoh, Malaysia yang merupakan sebuah negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa. Bagi mereka yang tinggal di bandar besar dan dipengaruhi dengan trend semasa yang kebaratan, mereka ini kebiasaannya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa dalam kehidupan hariannya walaupun bahasa Malaysia diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan. Dengan ini, pelajar yang mengikuti kelas bahasa Inggeris selalunya kurang menghadapi masalah

untuk menerima pembelajaran tersebut seterusnya menyumbang kepada tahap keresahan dan kebimbangan yang rendah. Perkara yang sebaliknya pula berlaku kepada kelas bahasa Jepun memandangkan bahasa dan budaya negara 'Matahari Terbit' itu kurang dieksplorasi dalam konteks masyarakat Malaysia.

Faktor di atas merupakan antara contoh elemen yang perlu dipertimbangkan semasa kajian mengenai hubungan antara kedua pembolehubah ini dijalankan. Faktor psikologikal, teknikal, dan kognitif turut tidak terkecuali dalam usaha mendapatkan hasil yang boleh dipercayai serta menepati kesahan yang diharapkan. Dalam hal ini, reaksi dan maklumbalas jujur dari pelajar perlu diperolehi bagi membantu kejayaan sesuatu kajian yang dijalankan. Apa yang penting, kepelbagaian kajian seumpamanya diharapkan mampu memperbaiki kurikulum (silibus) sedia ada dan merangka teknik yang berkesan untuk diaplikasikan dalam kelas bahasa asing tersebut. Dengan ini, tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami oleh para pelajar mungkin dapat dikurangkan dan pelajar itu seterusnya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran berkenaan.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kebanyakan individu atau pelajar sering kali memberikan reaksi kebimbangan yang tinggi dimana ia boleh mempengaruhi kebolehan mereka untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam kelas bahasa asing yang diambil. Keresahan dan kebimbangan merupakan suatu perasaan yang mata pelajarantif yang diperolehi daripada faktor tekanan, gementar, cemas dan bimbang. Kesemua faktor ini bertindak serentak dalam peningkatan sistem keresahan autonomi (Spielberg, 1983). Sebagaimana tahap keresahan yang dialami ini mampu menghalang seseorang memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam mata pelajaran sains dan matematik, situasi tekanan yang sama juga turut dirasai oleh ramai pelajar dalam pembelajaran bahasa asing.

Kajian terhadap pembelajaran bahasa asing telah mendedahkan hubungan yang konsisten antara keresahan atau kebimbangan dengan kemahiran penggunaan bahasa asing (Gardner, Smythe, Clement, Glikman, ). Faktor keresahan dilihat sebagai halangan utama kepada seseorang untuk mempelajari cara pertuturan bahasa asing. Walau bagaimanapun, dapatan yang diperolehi daripada kajian-kajian lepas tidak begitu nyata memandangkan kewujudan beberapa faktor yang mampu memberi kesan kepada pembelajaran bahasa asing tersebut. Salah satu daripada faktor-faktor tersebut yang akan dikaji dalam kajian ini adalah tujuan para pelajar dalam mempelajari bahasa asing berkenaan. Jika seseorang pelajar itu didorong oleh keinginan dan minat untuk mempelajari sesuatu bahasa tertentu, maka pelajar tersebut dijangkakan mengalami tahap keresahan dan kebimbangan yang rendah. Sebaliknya, tahap keresahan yang tinggi kemungkinan besar dialami oleh pelajar yang mengambil kelas bahasa asing ini sebagai mata pelajaran wajib. MacIntyre dan Gardner (1991) melaporkan bahawa pelajar-pelajar universiti yang mengambil mata pelajaran bahasa asing sebagai keperluan bagi mereka untuk diterima dalam program universiti tertentu menunjukkan tahap keresahan yang tinggi berbanding pelajar yang lain. Tahap kebimbangan ini bertambah selaras dengan peningkatan keperluan pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing tersebut.

Lantaran itu, hasil kajian ini diharapkan dapat merungkai dan mengenalpasti kedudukan tahap keresahan atau kebimbangan ini di kalangan pelajar yang mengambil kelas bahasa asing ini bergantung kepada tujuan atau kategori mata pelajaran ini diambil sama ada sebagai mata pelajaran wajib atau elektif. Ia merupakan suatu yang penting untuk diketahui dalam usaha mengaplikasikan atau memperbaiki teknik dan cara pengajaran yang lebih berkesan agar tahap keresahan yang dialami ini dapat diminimumkan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pembelajaran atau kelas bahasa asing bukanlah suatu perkara yang baru. Perkembangan dan permintaan global dalam pelbagai bidang pada masa sekarang mendesak seseorang individu itu untuk meningkatkan potensi dan kebolehan sendiri

agar mampu seiring dalam usaha dan persaingan yang wujud dalam arena yang diceburi. Ini termasuklah kebolehan bertutur dalam bahasa asing dan memahami budaya dan bangsa orang lain.

Namun begitu, hakikatnya tidak mudah bagi seseorang individu itu untuk mempelajari sesuatu yang sama sekali berbeza dengan apa yang telah didedahkan dalam kepompong masyarakat yang dimiliki. Proses pembelajaran yang dijalani dalam memahami dan memastikan seseorang dapat bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa asing memerlukan usaha dan semangat yang kental. Pelbagai kekangan perlu dihadapi terutamanya dalam menangani masalah keyakinan diri dan tahap keresahan yang tinggi semasa mengikuti proses pembelajaran tersebut.

Tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami dalam pembelajaran bahasa asing boleh menjadi punca kegagalan kepada seseorang pelajar untuk memperolehi pencapaian yang membanggakan jika ia berlarutan sehingga tahap yang membimbangkan. Masalah ini dikenalpasti berlaku terutamanya kepada golongan pelajar di institusi pengajian tinggi yang mendaftar dalam mata pelajaran bahasa asing yang ditawarkan. Tahap keresahan yang dialami dalam kelas bahasa asing adalah berbeza dari seorang pelajar ke seorang pelajar yang lain. Kesukaran dan kerumitan dalam menguasai bahasa yang baru menambahkan lagi beban tekanan yang sedia ada. Apatah lagi, harapan untuk mencapai keputusan yang memuaskan dalam mata pelajaran tersebut membuatkan golongan pelajar mengalami suatu situasi yang kritikal dan bercampur aduk dengan perasaan bimbang, gementar, tertekan, dan juga cemas.

Gabungan perasaan dan ciri-ciri tersebut mampu mendorong tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami oleh pelajar sepanjang mengikuti pembelajaran bahasa asing seterusnya mempengaruhi tumpuan dan konsentrasi mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Keadaan menjadi semakin menarik apabila terdapat dua kategori pelajar yang terdedah kepada masalah ini. Perbezaan tahap keresahan dijangkakan wujud di antara pelajar yang wajib mengambil mata pelajaran bahasa asing dengan pelajar yang mendaftar dalam mata pelajaran tersebut sebagai mata pelajaran elektif atau pun pilihan. Pelajar jurusan Teaching of English as a Second Language (TESL) dari Fakulti Pendidikan diwajibkan untuk mengikuti beberapa kelas bahasa asing yang telah



ditetapkan oleh pihak universiti. Ia sebagai pelengkap kepada kebolehan dan kemampuan pelajar apabila memasuki alam pekerjaan yang berkaitan. Ini berbeza dengan kumpulan pelajar yang mengambil mata pelajaran tersebut di atas kemahuan dan pilihan sendiri. Sudah pasti ketegangan yang dirasakan semasa mengikuti kelas bahasa asing berkenaan agak berlainan di antara satu sama lain. Perkara inilah yang perlu dikaji dan diterokai agar suatu formula dalam usaha meminimumkan tahap keresahan dan tekanan yang berkaitan dapat diterbitkan sekaligus menjadi panduan kepada pensyarah serta golongan pendidik yang lain dalam membantu pelajar menguasai bahasa asing berkenaan dengan baik.

Setiap pelajar mempunyai tahap kebimbangannya yang tersendiri dan ia bergantung kepada bagaimana mereka mengawal dan mengendalikannya. Golongan pendidik khususnya, semampu boleh ingin mengatasi masalah ini agar para pelajar tidak terkandas dalam ujian mahupun peperiksaan hanya disebabkan halangan ini. Lantaran itu, persepsi dan pandangan para pelajar mengenai tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami oleh mereka semasa mengikuti pembelajaran bahasa asing perlu diteliti dan diselidik. Beberapa faktor dan pembolehubah yang berkaitan berkemungkinan besar menjadi titik tolak kepada punca permasalahan ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertanggungjawab dalam merungkai segala kekusutan tersebut dan sedikit sebanyak mampu menyumbang ke arah suatu cara penyelesaian yang lebih efektif bagi kepentingan semua pihak.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Melalui analisis ke atas tahap keresahan yang dialami oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa asing ini, diharap segala persoalan berikut dapat diungkapkan.

- i) Sejauhmanakah tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami oleh pelajar semasa mengikuti kelas bahasa asing?
- ii) Apakah persepsi pelajar terhadap tahap keresahan yang dialami sepanjang menghadiri kelas bahasa asing tersebut?

- iii) Apakah faktor atau elemen yang mempengaruhi tahap keresahan seseorang pelajar dalam pembelajaran bahasa asing?
- iv) Apakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan hasil kajian bagi tahap keresahan di antara dua kumpulan pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa asing tersebut?
- v) Golongan yang manakah berada pada tahap keresahan yang tinggi jika dikaji dari segi jantina, kursus mahupun bangsa?

### **1.5 Matlamat Kajian**

Matlamat utama kajian ini dijalankan adalah bagi mengenalpasti persepsi pelajar terhadap tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami semasa pembelajaran bahasa asing, khususnya kelas bahasa Jepun di Universiti Teknologi Malaysia. Dapatan daripada kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pelajar dalam menyelami tujuan dan penerimaan mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Di samping itu, kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada para pendidik mengenai situasi sebenar yang berlaku semasa kelas bahasa asing ini diadakan. Informasi kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka dalam merangka suatu kaedah pengajaran yang lebih telus dan komprehensif. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini diharap dapat menggalakkan serta mengembangkan lagi kualiti dan kemampuan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing di Malaysia pada masa akan datang.

### **1.6 Objektif Kajian**

Dalam konteks kajian ini, beberapa objektif telah dikenalpasti. Antaranya ialah untuk:-

- i. mengenalpasti persepsi para pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa asing terhadap perasaan bimbang yang dialami semasa pembelajaran bahasa asing tersebut diadakan melalui pengukuran Foreign Language Classroom Anxiety Scale (FLCAS).

- ii. membandingkan tahap kebimbangan yang dialami oleh para pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa asing sebagai mata pelajaran wajib dengan tahap kebimbangan yang dialami oleh para pelajar yang mengambil bahasa asing sebagai mata pelajaran elektif.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Hasil daripada kajian ini, para pendidik terutamanya pensyarah di universiti dan institusi pengajian tinggi yang lain akan memperolehi suatu kesimpulan tentang tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami oleh para pelajar semasa sesi kelas bahasa asing dijalankan. Ia berguna dalam membantu golongan ini ke arah suatu usaha bagi mencipta pendekatan atau teknik yang berkesan untuk digunakan di sepanjang pengajaran bahasa asing tersebut diadakan. Susunan kurikulum atau mata pelajaran juga akan dapat dipantau dan diperbaiki dari semasa ke semasa bagi menyesuaikan pembelajaran mata pelajaran berkenaan dengan penerimaan para pelajar.

Melalui kajian ini, maklumat dan keterangan yang berguna dapat disalurkan kepada pihak pelajar mahupun pendidik dan juga para pengkaji agar perasaan tertekan, takut, gementar, bimbang dan seumpamanya yang dialami oleh pelajar mampu dikurangkan atau dilenyapkan. Ia amat penting dalam memastikan pelajar yang mengambil mata pelajaran ini sama ada sebagai mata pelajaran wajib atau elektif, mampu memperolehi keputusan yang cemerlang. Dalam konteks jangka panjang pula, keyakinan dan kemampuan pelajar dalam menguasai bahasa asing tersebut turut tidak diabaikan.

### **1.8 Skop Kajian**

Kajian tahap keresahan dan kebimbangan pelajar terhadap mata pelajaran bahasa asing ini hanya tertumpu kepada pelajar Universiti Teknologi Malaysia yang mengambil mata pelajaran bahasa asing. Dalam konteks kajian ini, kumpulan sasaran yang dipilih hanyalah terdiri daripada para pelajar yang mengambil kelas bahasa Jepun. Borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar melalui pemilihan secara rawak.

Terdapat dua kategori kumpulan pelajar yang diberi perhatian dalam kajian ini. Kumpulan pertama adalah terdiri daripada pelajar jurusan TESL yang mengikuti mata pelajaran bahasa asing sebagai salah satu daripada kursus wajib. Kumpulan kedua pula merupakan pelajar yang mengambil kelas bahasa asing sebagai mata pelajaran elektif bebas. Kebanyakan pelajar dari kumpulan ini terdiri daripada mereka yang mengambil jurusan sains dan kejuruteraan.

## **1.9 Definisi Konseptual dan Operasional**

### **1.9.1 Perasaan Keresahan atau Kebimbangan**

Perasaan keresahan didefinisikan sebagai suatu perasaan yang dialami oleh seseorang di mana ia dibayangi oleh rasa takut, dan kluatir disebabkan oleh sesuatu perkara atau objek (Hilgard, Atkinson dan Atkinson, 1971). Selain daripada itu, Thompson (1983) berpendapat bahawa ia merupakan suatu perasaan yang merangkumi unsur-unsur takut, kluatir, dan lain-lain perasaan yang dikaitkan dengan hal atau akibat pada masa akan datang. Casado dan Dereshiwsky (2001) turut menyatakan definisi perasaan keresahan ini adalah rumit dan ia berkemungkinan terdiri daripada gabungan beberapa karakter atau tingkah laku yang boleh dikaji secara saintifik kepada suatu perasaan dalaman yang mustahil untuk dicapai. Lader, 1975 secara umumnya menggambarkan perasaan keresahan tersebut sebagai sifat ketidakgembiraan yang semulajadi dan ia agak sinonim dengan rasa takut.

Dalam konteks kajian ini, perasaan keresahan merupakan suatu analisis tahap keresahan atau kebimbangan yang dialami oleh para pelajar yang mengikuti pembelajaran bahasa asing. Ia merangkumi gabungan pelbagai perasaan dan karakter yang berkaitan seperti rasa takut, gementar, cemas, bimbang dan kluatir disebabkan pembelajaran bahasa asing yang sedang diikuti. Tahap keresahan yang dialami hanya diuji dalam kelas Bahasa Jepun yang melibatkan pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia.

## **1.9.2 Bahasa Asing**

Bahasa asing merupakan cara percakapan atau dialog pertuturan yang sama sekali berlainan dari budaya dan konteks masyarakat setempat. Ia terbit dari kaum, bangsa, agama, budaya dan lokasi yang berbeza. Bahasa yang dipertuturkan melambangkan identiti sesuatu kaum atau bangsa tersebut.

Sebagai contoh, dalam konteks Malaysia, bahasa Malaysia telah diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda sekalian rakyatnya. Bangsa Melayu dikenali sebagai tuan kepada bahasa tersebut. Justeru itu, bahasa yang digunakan selain daripada bahasa Malaysia dikenali sebagai bahasa asing. Antaranya seperti bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Korea, bahasa Jepun dan sebagainya,

Dalam konteks kajian ini, bahasa asing merupakan suatu mata pelajaran yang ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia melalui Jabatan Bahasa Moden. Mata pelajaran bahasa asing telah ditawarkan kepada pelajar dalam dua kategori iaitu sama ada sebagai mata pelajaran wajib atau elektif bebas. Kebanyakan pelajar jurusan TESL dari Fakulti Pendidikan wajib mengikuti kelas bahasa asing ini sementara pelajar dari jurusan lain tidak diwajibkan mengikuti mata pelajaran bahasa asing. Akan tetapi, sekiranya pelajar tersebut berminat, mereka boleh mengambil mata pelajaran ini sebagai mata pelajaran elektif bebas.

Bahasa Jepun telah dipilih sebagai mata pelajaran bahasa asing yang ingin dikaji. Ini bermakna, skop kajian tidak termasuk pelbagai bahasa asing lain yang turut ditawarkan oleh pihak fakulti. Persepsi pelajar dan hasil kajian yang diperolehi melalui kelas Bahasa Jepun ini sedikit sebanyak boleh memberi gambaran tentang tahap keresahan yang dialami oleh pelajar dalam kelas bahasa asing yang lain.

### **1.10 Batasan Kajian**

Dalam konteks kajian ini, analisis yang dijalankan terbatas kepada sejauhmana ketepatan maklumat dan kandungan yang disampaikan melalui borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Ini kerana terdapat kemungkinan beberapa maklumat dan jawapan responden yang tertentu dalam borang soal selidik tersebut boleh dipertikaikan kejujurannya. Penyelewengan maklumat ini akan mempengaruhi hasil keputusan yang bakal diperolehi pada peringkat akhir analisis dan seterusnya menggambarkan tahap keresahan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing yang kurang telus dan komprehensif.

Perlu ditekankan di sini bahawa dapatan kajian ini hanya digunakan dalam konteks kumpulan sasaran yang terlibat semasa kajian ini dijalankan. Ia tidak bersesuaian untuk digunakan dalam jangka masa yang lain bagi individu atau kumpulan yang berbeza memandangkan persepsi dan pandangan seseorang adalah berlainan. Tambahan pula, kemungkinan besar suatu cara penyelesaian telah dapat diterokai pada masa akan datang yang mengakibatkan tahap keresahan yang dialami oleh pelajar pada ketika itu berubah sama sekali.

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan membicarakan mengenai kajian yang terdahulu bagi membantu penyelidik menjalankan kajian. Ini termasuk pembelajaran bahasa asing, takrif keresahan dan memahami maksud ketegangan itu sendiri. Selain itu, bab ini juga akan membicarakan mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada keresahan mempelajari bahasa asing.

#### **2.2 Pembelajaran Bahasa Asing**

Pembelajaran bahasa asing semakin penting dalam setiap peringkat pendidikan, tidak kira samada pelajar itu adalah pelajar sekolah tinggi yang diwajibkan untuk belajar bahasa asing, ataupun pelajar di setiap peringkat sekolah rendah dan pertengahan, subjek bahasa asing ada ditambah di dalam kurikulum mereka samada ianya menjadi subjek teras ataupun subjek elektif (Schwarz, 1997). Menurut Schwarz (1997) lagi, bahasa asing merupakan “magnet” yang dicipta oleh sesetengah sekolah dan di lihat sangat popular dan ianya tidak membebankan pelajar.

Pembelajaran bahasa asing adalah berbeza dengan pembelajaran bahasa kedua. Ini kerana pelajar tidak mempunyai pengetahuan asas mengenai bahasa asing tidak sepertimana bahasa kedua. Lazimnya, selain daripada bahasa ibunda, pelajar juga menggunakan bahasa kedua sebagai medium dalam komunikasi sehari-hari.

Contohnya, bahasa utama bagi pelajar Melayu adalah bahasa Melayu tetapi mereka menggunakan bahasa Inggeris dalam pertuturan dan percakapan mereka sehari-hari. Ini kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang digunakan oleh masyarakat seantero dunia untuk berkomunikasi di antara satu sama lain di dalam urusan seharian mereka. Di Malaysia, kebanyakan pelajar terdedah kepada bahasa Inggeris sejak kecil lagi kerana ia diiktiraf sebagai bahasa kedua bagi kebanyakan pelajar.

Tidak seperti bahasa kedua, yakni bahasa Inggeris, pelajar tidak mempunyai pengetahuan tentang bahasa asing dan hanya berharap sepenuhnya terhadap guru dan nota yang diberi untuk mempelajari bahasa tersebut. Kebanyakan pelajar tidak pernah terdedah kepada bahasa asing dan pendedahan hanya berlaku sewaktu mereka mengambil kursus bahasa asing ataupun kelas bahasa asing.

Pelajar tidak boleh mempelajari bahasa asing secara tidak formal yakni tanpa menghadiri kelas, kerana keadaan persekitaran yang tidak sesuai di tambah dengan persekitaran yang sedia ada tidak sama dengan persekitaran sebenar bahasa asing tersebut. Walaubagaimanapun, pelajar mampu untuk belajar bahasa kedua secara tidak formal kerana keadaan sekeliling yang mengizinkan dan wujudnya penggunaan bahasa kedua yang meluas di persekitaran pelajar.

Secara amnya, kita mengetahui bahawa mempelajari bahasa asing adalah sesuatu yang sukar dan merumitkan pelajar kerana mereka bermula dengan pengetahuan sifar mengenai bahasa tersebut dan ia merupakan bahasa baru bagi mereka. Apabila pelajar merasakan bahawa mempelajari bahasa asing adalah sesuatu yang sukar, maka akan wujudlah keresahan ataupun kebimbangan untuk pelajar bahasa tersebut. Keresahan pelajar ini akan mengganggu persembahan dan pencapaian pelajar sewaktu mengambil subjek bahasa asing. Ini secara tidak



langsung, membuktikan bahawa wujudnya hubungan di antara keresahan dan proses pembelajaran bahasa asing.

Menurut Bailey, Onweugbuzie dan Daley (2000), kajian yang berterusan mengenai keresahan dan proses pembelajaran bahasa asing harus dijalankan.

Di dalam kajian ini, beberapa faktor penting telah dikenalpasti. Tambahan pula, kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa pelajar yang lebih dewasa lebih mempunyai tahap keresahan yang lebih tinggi dibandingkan dengan pelajar yang lebih muda (Horswill, 2002). Ini kerana, pelajar yang lebih dewasa telah menangguhkan pengajian mereka contohnya kerana memasuki dunia pekerjaan terlebih dahulu ataupun kerana faktor lain, tidak seperti pelajar yang lebih muda yang meneruskan pengajian mereka terus menerus.

Sebagai tambahan, kajian ini juga mendapati bahawa pelajar yang mana mempunyai sedikit ataupun sifar pengetahuan mengenai bahasa asing mempunyai tahap keresahan yang lebih tinggi berbanding pelajar yang pernah mengambil kelas bahasa asing. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada hasil kajian ini ialah hubungan di antara keresahan ataupun kebimbangan dengan proses pembelajaran itu sendiri. Tahap keresahan pelajar bergantung pada pengalaman mereka melaksanakan pembelajaran baru secara aplikasi kognitif. Oleh yang demikian, tahap keresahan pelajar sewaktu proses pembelajaran akan memberi kesan kepada pencapaian mereka (Horswill, 2002).

### **2.3 Takrif Keresahan**

Keresahan atau kebimbangan membawa takrif sebagai satu keadaan di mana timbulnya perasaan tidak selesa atau takut kerana mempunyai perasaan antisipasi terhadap sesuatu keadaan yang mengancam (Koba, Ogawa, dan Wilkinson, 2000).

Individu yang melihat dan menjalani suatu keadaan yang negatif atau situasi yang mendatangkan suasana yang merbahaya akan melahirkan rasa

kebimbangan. Ia juga merupakan konsep yang agak kompleks di mana ia melibatkan perasaan seseorang tentang kebolehan, penilaian serta potensi diri dalam sesuatu situasi dengan tahap kebimbangan kerana ia merupakan situasi atau keadaan yang dilihat sebagai mengancam, di mana hasil keresahan itu tertakluk kepada persepsi individu dalam kebolehannya untuk mengatasi sesuatu masalah secara positif. Beliau selanjutnya menyatakan bahawa konsep sendiri seseorang individu boleh menjadi suatu faktor yang menghasilkan situasi keresahan.

Kebimbangan yang tinggi akan menyebabkan tekanan dalam diri seseorang itu. Fontana dan Abouserie (1993), menyatakan bahawa tekanan itu membawa maksud yang berbeza-beza iaitu dari perasaan seperti *tension* atau *pressure* kepada sesuatu yang lebih kompleks seperti sesuatu yang merangkumi aspek psikologi atau fisiologi.

## **2.4 Memahami Ketegangan**

Ketegangan merupakan satu perasaan yang timbul hasil dari perasaan kebimbangan. Ia terjadi apabila seseorang tidak dapat mengatasi sesuatu permintaan atau keadaan. Faktor-faktor yang menyumbang kepada rasa kebimbangan ini adalah situasi sekeliling yang tidak menyenangkan. Jika rasa kebimbangan ini menguasai seseorang, dia mungkin akan mewujudkan reaksi fizikal seperti tangan yang sentiasa berpeluh, pernafasan yang kencang serta otot yang tegang dan emosi yang negatif. Masalah kebimbangan ini perlu diatasi dengan segera kerana kebimbangan ini akan menghasilkan tekanan.

## **2.5 Faktor-faktor Keresahan Bahasa Asing**

Ada banyak faktor yang menjadi punca kepada keresahan bahasa asing. Tetapi di dalam kajian ini, penyelidik hanya memberi tumpuan kepada tiga faktor

utama, iaitu keresahan berkomunikasi, keresahan terhadap penilaian negatif dan juga keresahan secara umum. Disebabkan keresahan bahasa asing menyumbang kepada persembahan akademik pelajar dan melibatkan konteks sosial, faktor-faktor ini dijadikan landasan untuk mencari keselarasan kepada punca terbitnya perasaan bimbang sewaktu menghadiri kelas bahasa asing.

### **2.5.1 Keresahan Berkomunikasi**

Keresahan berkomunikasi adalah suatu perasaan malu yang dapat menggambarkan sifat karakter individu akibat daripada perasaan takut ataupun kebimbangan yang keterlaluan tentang cara berkomunikasi menggunakan bahasa asing dengan orang ramai. Manifestasi akibat daripada keresahan berkomunikasi dapat dilihat sewaktu seseorang itu mendengar atau belajar bercakap di hadapan khalayak ramai ataupun perbualan secara berkumpulan di dalam kelas.

Menurut Price (1992), keresahan utama pelajar berpunca daripada ketakutan untuk bercakap di hadapan rakan sebaya. Dalam usaha untuk mengurangkan keresahan yang wujud dalam diri pelajar sewaktu pembelajaran bahasa asing di dalam kelas, Price mencadangkan agar pelajar membentuk satu kumpulan kecil ataupun aktiviti secara satu kepada satu untuk membolehkan pelajar berlatih sesama rakan mereka dan ini akan dapat membantu mengurangkan rasa bimbang apabila bercakap di hadapan khalayak ramai. Ini secara tidak langsung akan dapat mengurangkan dan meminimumkan pembedahan.

Horwitz (1986) dan Young (1991) kedua-duanya menyatakan bahawa bercakap di khalayak ramai akan membangkitkan lagi tahap keresahan pelajar untuk mempelajari bahasa secara umum. Pendekatan pembelajaran yang lebih bersifat terbuka kerap digunakan dalam kebanyakan kelas bahasa asing dan ianya membangkitkan tahap keresahan terhadap penegasan pada komunikasi lisan.

Keresahan berkomunikasi dilihat merupakan penyumbang utama dalam keresahan pembelajaran bahasa asing. Adalah satu perkara semulajadi jika seseorang itu mempunyai kesukaran yang ketara untuk bertutur dalam bahasa asing di dalam

situasi yang terkawal berbanding dengan perbualan seharian. Situasi terkawal yang dimaksudkan di sini ianya perbualan mereka itu diperhatikan dan akan dinilai. Apabila seseorang itu tahu bahawa setiap pertuturannya akan diperhatikan dan dinilai, dia akan secara langsung merasa tertekan, maka tahap keresahannya juga akan lebih tinggi.

Kelas bahasa asing menuntut pelajar berkomunikasi dengan menggunakan medium yang hanya terhad kepada kemudahan prosa. Istimewanya keresahan komunikasi ini kerana ia merupakan pengetahuan peribadi yang menjadikan seseorang individu itu sendiri sukar memahami dirinya sendiri akibat daripada keresahan pembelajaran bahasa asing.

Disebabkan faktor keresahan komunikasi ini juga seseorang individu yang peramah mungkin menjadi pendiam sewaktu sesi pembelajaran bahasa asing dilakukan. Akibat daripada perasaan malu, ianya menyekat seseorang individu atau pelajar itu untuk menyuarakan suara ataupun berkomunikasi dengan menggunakan bahasa asing. Pelajar merasakan bahawa mereka adalah individu yang berbeza apabila berkomunikasi menggunakan bahasa asing. Tetapi sekiranya mereka mengenali seseorang yang berkebolehan bertutur dan bercakap dengan lancar bahasa asing tersebut secara tidak langsung kebimbangan mereka itu berkurangan.

Fenomena keresahan komunikasi ini mungkin selaras dengan kegagapan yang membawa maksud seseorang itu bercakap dengan tersekat-sekat dan ia merupakan satu gangguan dalam membentuk satu komunikasi yang berkesan.

### **2.5.2 Keresahan Terhadap Penilaian Negatif**

Keresahan terhadap penilaian negatif, membawa maksud “kebimbangan tentang sesuatu penilaian yang berbeza, penghindaran situasi penilaian, dan anggapan lain yang boleh menilai ciri-ciri negatif individu (Watson dan Friend, 1969).

Keresahan terhadap penilaian negatif meluas dalam skop pembelajaran bahasa asing kerana ianya tidak terhad kepada situasi pengambilan ujian ataupun *test-taking* samada ia mungkin berlalu dalam mana-mana hubungan sosial. Penilaian seperti ini dilakukan sewaktu kelas pembelajaran bahasa asing berlaku iaitu dalam sesi berbual di antara rakan-rakan sekelas.

Keunikan mata pelajaran bahasa asing dengan mata pelajaran lain ialah ianya memerlukan pelajar dinilai kelancaran mereka bertutur di dalam kelas. Ini mungkin akan menyebabkan pelajar menjadi sangat sensitif dengan penilaian tersebut.

Keresahan pembelajaran bahasa asing juga dapat memperlihatkan dengan jelas betapa kompleksnya persepsi sendiri seseorang individu, kepercayaan, perasaan, dan sikap yang berkaitan dengan kelas pembelajaran bahasa muncul daripada keunikan proses pembelajaran bahasa.

### **2.5.3 Keresahan Umum**

Keresahan merupakan suatu perasaan yang subjektif, dan ia merupakan simptom psiko-psikologikal. Akibat daripada rasa kebimbangan yang keterlaluan, pelajar sukar memberi tumpuan sewaktu sesi pembelajaran, menjadi pelupa, berpeluh dan selalu berdebar sewaktu kelas sedang dijalankan.

Mereka yang mempunyai tahap keresahan yang tinggi akan sentiasa mengelak untuk menghadiri kelas ataupun tidak menyiapkan kerja rumah dengan memberikan pelbagai alasan.

Pengalaman secara langsung dengan pelajar bahasa asing di Texas Universiti mendapati pelajar mempunyai latar masalah yang berbeza disebabkan oleh rasa kebimbangan, dan mengilustrasi masalah-masalah tersebut. Ini mengganggu pembelajaran bahasa asing pelajar (Price, 1991).

Penyelidik mendapati bahawa punca keresahan pembelajaran bahasa asing terbahagi kepada dua iaitu mendengar dan bercakap.

Kesukaran untuk percakapan di dalam kelas ada kebarangkalian pelajar tidak dapat menyebut sesetengah frasa kata bahasa asing dengan jelas dan nyata. Ada pelajar yang merasakan bahawa mereka perlu melakukan banyak latihan untuk membolehkan mereka bertutur dan memahami bahasa asing, dan dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan sebenar.

Ada juga pelajar yang merasakan bahawa menyebut frasa kata bahasa asing adalah sukar akibat tahap kebimbangan untuk menguasai bahasa tersebut terlalu tinggi. Mereka juga merungut kerana tidak dapat memahami mesej yang terdapat dalam bunyi dan sebutan bahasa tersebut. Adakalanya mereka merasakan sewaktu mendengar orang lain menuturkan bahasa asing contohnya bahasa Jepun, walaupun ianya dituturkan dengan kuat tetapi butiran sebutan tidak dapat difahami dengan baik. Ini mungkin berpuna akibat kelemahan pelajar memahami frasa kata bahasa asing tersebut.

Keresahan pelajar terhadap bahasa asing kerap kali dibuktikan sewaktu ujian dijalankan. Pelajar selalu mendakwa bahawa mereka 'tahu' sebahagian daripada tatabahasa tetapi 'lupa' semasa ujian dijalankan samada sewaktu ujian bertulis ataupun ujian lisan. Kadang-kala pelajar 'cuai' sewaktu ujian dilaksanakan akibat terlalu bimbang lalu memberikan jawapan yang salah.

#### **2.5.4 Tanggapan Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Asing**

Pelajar yang mengambil kelas bahasa asing telah pun mempunyai satu tanggapan umum terhadap mata pelajaran bahasa asing. Contohnya, mata pelajaran bahasa asing adalah satu subjek yang sukar dipelajari dan difahami. Tanggapan seperti ini akan menghasilkan kebimbangan kerana pelajar mengharapkan dapat berkomunikasi dengan bahasa asing. Sebelum dapat mencapai tahap kelancaran yang

cemerlang, pelajar akan kerap kali membuat kesilapan asas seperti terlupa sesetengah perkataan bahasa tersebut.

Philip (1991) mendapati bahawa akibat daripada keresahan ini, persembahan ujian lisan pelajar yang mana memperolehi skor yang tinggi di dalam FLCAS cenderung memperolehi gred yang rendah di dalam ujian lisan. manakala Madsen, Brown dan Jones (1991), menilai sikap pelajar melalui ujian bahasa kedua. Mereka juga menguji reaksi pelajar dengan pelbagai jenis ujian dan mendapati cenderung kepada mencari rencana dan betul-salah menghasilkan sedikit keresahan, sementara penterjemahan menghasilkan lebih banyak keresahan.

Mereka juga percaya bahawa pengulangan latihan, kecemerlangan sebutan dan mengagak dan percaya bahawa melakukan kesilapan adalah biasa. Walaubagaimanapun, merasa malu apabila bercakap dalam bahasa Inggeris, terutamanya mereka yang berkebolehan bertutur secara semula jadi. Mereka merasakan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa yang sukar, tetapi lebih optimistik terhadap pembelajaran bagaimana untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris dengan lebih baik.

Young (1991), mendapati, adalah tidak realistik menyatakan bahawa pembelajaran bahasa adalah faktor utama kepada keresahan terhadap bahasa asing. Tanggapan seperti ini boleh menimbulkan keresahan apabila pelajar mendapati bahawa adanya perkaitan di antara realiti dan pembelajaran bahasa.

## **2.6 Kajian-kajian Berkaitan Keresahan Terhadap Pembelajaran Bahasa Asing**

Menurut Foss dan Reitzel (1998), Powell (1991), dan Price (1991), keresahan terhadap bahasa asing biasanya dihadapi oleh sebahagian pelajar kolej yang mengambil kursus berkaitan bahasa. Keresahan juga terjadi akibat pemikiran hasil yang negatif sewaktu sesi pembelajaran bahasa (Scovel, 1991; Horwitz et al, 1986; Mac Intyre dan Gardner, 1991).

Perolehan daripada kajian-kajian ini juga mendapati, bagi mengurangkan keresahan di bilis darjah, adalah penting untuk mengkaji sifat individu yang pelbagai yang mungkin akan menyumbang kepada keresahan. Berdasarkan pada sorotan keresahan itu sendiri, Horwitz (1998), Young (1991), dan Truitt (1994) mendapati bahawa tanggapan mengenai pembelajaran bahasa itu sendiri menjadi faktor kepada keresahan terhadap bahasa asing.

Sekiranya pelajar berpegang pada konsep yang kurang tepat atau *misconceptions*, pembelajaran bahasa ini hanya akan menyumbang kepada kekecewaan dan keresahan kerana pembelajaran bahasa ini berkaitan dengan realiti dan kehidupan sebenar.

Pelajaran mempunyai satu tanggapan negatif terhadap sesuatu perkara baru yang tidak pernah dipelajarinya. Contohnya, pengetahuan pelajar terhadap sesuatu bahasa baru contohnya bahasa Jepun adalah terhad tidak seperti bahasa yang digunakan dalam komunikasi sehari-hari kerana ia datang dari budaya yang berbeza dan laras kata yang berlainan.



## **BAB III**

### **METODOLOGI**

#### **3.1 Pengenalan**

Di dalam bab ini, perbincangan adalah berkisar tentang kaedah atau metodologi yang digunakan dalam pelaksanaan kajian ini. Antara perkara yang disentuh dalam bahagian ini ialah rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data, sampel kajian, dan kaedah analisis data bagi memperolehi keputusan yang jitu berkenaan tahap keresahan yang dialami oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa asing

#### **3.2 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan suatu kajian berbentuk tinjauan ke atas pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia yang mengambil mata pelajaran bahasa asing khususnya yang mengikuti kelas bahasa Jepun. Pendekatan melalui borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada para pelajar. Borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar berkenaan yang dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada pelajar yang mengambil kelas bahasa asing sebagai mata pelajaran wajib dan keperluan bagi kursus yang diambil. Para pelajar ini juga dikenali sebagai pelajar TESL (Teaching English as a Second Language). Kumpulan kedua pula adalah terdiri daripada pelajar yang mengikuti mata pelajaran ini sebagai mata pelajaran elektif bebas. Mereka ini merupakan pelajar UTM yang mengambil berbagai jurusan termasuk kejuruteraan, sains, pentadbiran dan senibina.

Kajian berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dan persepsi para pelajar tentang tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami oleh mereka semasa mengikuti kelas bahasa asing. Ia juga berguna dalam mendapatkan

maklumat serta gambaran yang sebenar mengenai situasi, masalah dan penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran tersebut.

Kajian tahap keresahan pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing ini banyak menyentuh tentang persepsi mereka berkenaan tahap keresahan secara menyeluruh termasuk kebimbangan berkomunikasi, takut terhadap penilaian negatif, serta minat dan tujuan mereka mengikuti kelas bahasa asing tersebut. Setiap item yang terkandung dalam borang soal selidik yang diedarkan akan dianalisis bagi melihat sejauhmana tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami oleh para pelajar sepanjang mengikuti mata pelajaran tersebut.

### **3.3 Sampel Kajian**

Sampel kajian ini melibatkan pelajar Universiti Teknologi Malaysia yang mengambil mata pelajaran bahasa asing. Hanya pelajar yang mengikuti kelas bahasa Jepun sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat dua kumpulan pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa asing ini iaitu:-

- a. Pelajar yang mengambil mata pelajaran ini sebagai memenuhi keperluan kursus iaitu TESL (Teaching English as a Second Language).
- b. Pelajar yang mengikuti kelas bahasa asing sebagai mata pelajaran elektif bebas.

Responden yang terlibat dipilih berdasarkan beberapa kelas yang telah dikenalpasti oleh penyelidik. 54 orang responden merupakan pelajar dari kumpulan pertama dan 73 orang lagi dari kumpulan kedua. Latar belakang responden yang terdiri daripada pelajar lelaki dan wanita serta mewakili pelbagai bangsa dan agama menunjukkan mereka adalah responden yang menyeluruh.

### **3.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Data-data yang didapati untuk tujuan kajian ini didapati dari pelbagai sumber. Lazimnya terdapat dua jenis sumber yang digunakan iaitu data primer dan data sekunder

#### **3.4.1 Data Primer**

Data-data kajian didapati daripada soal selidik, temubual dan juga perbincangan yang telah dijalankan. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah hasil gubahan dan penyesuaian soalan yang dipinjam dari kajian lepas. Rasional penyaduran soalan hasil kajian lepas ini adalah kerana soalan-soalan tersebut menunjukkan kebolehpercayaan dan kesahan bagi mengukur beberapa pembolehubah yang terlibat. Soalan yang hampir sama dan berulang adalah bertujuan untuk memastikan kesahihan data yang dikumpul.

#### **3.4.2 Data Sekunder**

Rujukan melalui buku yang berkaitan, jurnal dari dalam dan luar negara, tesis hasil dari pengkaji lepas, artikel dari majalah dan juga akhbar telah dijadikan sebagai sumber bagi menjayakan kajian ini. Kesemua sumber ini diperlukan bagi mendapatkan maklumat, pandangan dan juga dapatan yang diperolehi dari para penyelidik tentang kajian yang hampir serupa dijalankan sebelum ini. Eksplorasi teori dan model yang selaras dengan skop kajian dalam mengkaji tahap keresahan yang dialami oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa asing, secara saintifiknya turut memperkukuhkan lagi pendapat dan ‘buah fikiran’ yang dikemukakan sebelum ini.

### 3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang dipilih ialah melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden. Bentuk soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan objektif dan matlamat kajian. Responden dikehendaki menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan sikap, perasaan resah dan bimbang yang dialami serta tugas yang diberikan semasa mengikuti kelas bahasa asing tersebut dengan menggunakan skala pengukuran yang dikemukakan oleh Horwitz (1983) iaitu FLCAS (Foreign Language Classroom Anxiety Scale).

FLCAS ini telah direka dengan tujuan untuk meneliti skop dan ketelusan tahap keresahan bagi pembelajaran bahasa asing yang dialami oleh para pelajar. Item-item yang ditonjolkan melalui skala ini adalah berhubung kait dengan elemen kebimbangan berkomunikasi, ujian keresahan dan perasaan takut terhadap penilaian negatif dalam kelas bahasa asing berkenaan. Di dalam borang soal selidik tersebut, responden diajukan dengan soalan berskala Likert melalui lima pilihan jawapan mengikut susunan ‘sangat setuju’ (skala 1) sehingga ‘sangat tidak setuju’ (skala 5). Skala 3 yang merupakan skala pertengahan pula mewakili pilihan ‘tidak pasti’ sebagai persepsi yang neutral

Borang soal selidik berkenaan terbahagi kepada dua bahagian sebagaimana Jadual 3.1 di bawah:

**Jadual 3.1 Bahagian Soalan dalam Borang Soal Selidik**

<b>Bahagian</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Bil. Soalan</b>
I	Latar belakang responden	3
II	Deskriptif item tahap keresahan dalam pembelajaran bahasa asing (bahasa Jepun)	33

### **i. Bahagian I**

Pada bahagian ini, responden dikehendaki mengisi mengenai latar belakang peribadi mereka seperti jantina, bangsa, serta kursus yang diambil. Ini adalah penting untuk mengaitkan hasil kajian dengan data yang melibatkan diri responden.

### **ii. Bahagian II**

Bahagian kedua menyentuh mengenai tahap keresahan yang dialami oleh pelajar semasa mengikuti pembelajaran bahasa asing (kelas bahasa Jepun). Soalan-soalan dalam bahagian ini merangkumi soalan berkaitan dengan elemen kebimbangan untuk berkomunikasi, perasaan takut terhadap penilaian negatif serta perasaan umum pelajar terhadap unsur keresahan dan kebimbangan tersebut. Skala Likert digunakan sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Terdapat lima pilihan jawapan yang mewakili skor nilai yang berbeza, seperti yang tertera di dalam Jadual 3.2 di bawah:

**Jadual 3.2 Pilihan Jawapan bagi Soalan dalam Bahagian Dua**

<b>Skor</b>	<b>Keterangan</b>
1	Sangat setuju
2	Setuju
3	Tidak pasti
4	Tidak setuju
5	Sangat tidak setuju

#### **3.5.1 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Kesemua instrumen kajian dalam item soal selidik yang dikemukakan diuji dengan menggunakan ujian kebolehpercayaan Alpha Cronbach. Nilai alpha untuk setiap sub-skala adalah antara 0.62 hingga 0.82 dengan 0.90 sebagai nilai bagi keseluruhan item. Jadual 3.3 menunjukkan pecahan nilai alpha untuk setiap sub-skala seperti berikut:

**Jadual 3.3 Pecahan Nilai Alpha untuk Setiap Sub-Skala**

Skala	Jumlah Item	Alpha ( $\alpha$ )
Kebimbangan Berkomunikasi	12	0.8249
Keresahan Terhadap Penilaian Negatif	8	0.6153
Keresahan Secara Am nya	13	0.7367
Keseluruhan Tahap Keresahan	33	0.8990

**3.5.2 Pemarkatan Manual**

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, Bahagian Dua dalam borang soal selidik menggunakan Skala Likert melalui lima pilihan jawapan kepada responden bagi mengukur tahap keresahan mereka terhadap pembelajaran bahasa asing.

Bagi tujuan mengukur kedudukan tahap bagi setiap sub-skala yang ingin dikaji, beberapa soalan yang berkaitan telah dikenalpasti bagi mewakili setiap sub-skala tersebut. Sub-skala 'Kebimbangan Berkomunikasi' telah menggunakan 12 item manakala bagi 'Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif' diwakili oleh 8 item. Sebanyak 13 item pula telah dibina bagi sub-skala 'Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan'. Jadual 3.4 berikut merupakan susunan item-item bagi setiap sub-skala dalam borang soal-selidik.

**Jadual 3.4 Jumlah Item bagi Setiap Sub-Skala**

Sub-Skala	No. Soalan yang Terlibat	Jumlah Item
Kebimbangan Berkomunikasi	S1 + S3 + S4 + S9 + S13 + S14 + S18 + S20 + S24 + S27 + S29 + S33	12
Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif	S2 + S7 + S8 + S15 + S19 + S21 + S23 + S31	8

Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan	S5 + S6 + S10 + S11 + S12 + S16 + S17 + S22 + S25 + S26 + S28 + S30 + S32	13
--	---	----

Skor tahap keresahan diukur dengan mengira jumlah skor bagi setiap sub-skala. Sesuatu skor dianggap tinggi apabila mencapai dua pertiga ( $x > \frac{2}{3}$ ) daripada jumlah skor. Skor tersebut dianggap sederhana apabila mencapai lebih dari satu pertiga ( $x > \frac{1}{3}$ ) dan berada pada tahap yang rendah jika mencatat kurang daripada satu pertiga ( $x < \frac{1}{3}$ ).

**Jadual 3.5 Pemarkatan Skor bagi Setiap Sub-Skala**

Rendah ( $x < \frac{1}{3}$ )	Sederhana ( $x > \frac{1}{3}$ )	Tinggi ( $x > \frac{2}{3}$ )
0 – 1.7	1.7 – 3.4	3.4 – 5.0

### 3.6 Kaedah Analisis Data

Secara keseluruhannya, data-data yang diperolehi dalam kajian ini akan dianalisis melalui bantuan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 10.0. Sebagaimana yang diketahui sebelum ini, terdapat dua objektif utama yang akan diteliti melalui kajian ini dan keduanya menggunakan pendekatan ujian dan cara pengukuran yang berbeza. Hasil keputusan dari analisis yang dibuat akan menentukan sejauhmana pencapaian objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan.

Soalan-soalan dalam Bahagian I yang dikemukakan dalam borang soal selidik merupakan soalan yang melibatkan latar belakang responden. Keputusan kajian dalam bahagian ini akan dipersembahkan dalam bentuk analisis deskriptif menggunakan taburan kekerapan dan peratusan.

Objektif pertama kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi responden yang mengambil kelas bahasa asing terhadap tahap keresahan yang dialami sepanjang pembelajaran tersebut. Maklumbalas pelajar terhadap soalan-soalan yang diajukan dalam Bahagian II melalui borang soal selidik akan dianalisis melalui kaedah kualitatif

statistik deskriptif. Dapatan analisis ini akan dibentangkan dalam bentuk analisis deskriptif seperti peratusan, taburan kekerapan (mod), purata (min) dan sisihan piawai.

Objektif kedua pula merupakan analisis perbandingan tahap keresahan yang dialami oleh dua kumpulan responden dalam pembelajaran bahasa asing. Analisis inferensi-perbandingan yang melibatkan analisis ujian-T, skor min dan ANOVA (one-way analysis of variance) digunakan bagi menguji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan bagi setiap soalan yang dikemukakan di antara dua kumpulan responden tersebut. Paras signifikan 0.05 digunakan bagi menguji analisis parametrik ini. Beberapa faktor tahap keresahan seperti kebimbangan berkomunikasi, perasaan takut terhadap penilaian negatif dan perasaan umum terhadap tahap keresahan akan dibandingkan antara dua kumpulan pelajar yang terlibat dari segi jantina, bangsa serta kursus yang diambil.



## **BAB IV**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.1 Pengenalan**

Kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenalpasti beberapa faktor dan elemen yang berkaitan dengan tahap keresahan responden terhadap pembelajaran bahasa asing. Ianya berdasarkan pembolehubah seperti yang disarankan oleh skala FLCAS (*Foreign Language Classroom Anxiety Scale*). Dapatan kajian yang diperoleh dibuat berdasarkan latar belakang responden serta faktor keresahan terhadap mata pelajaran bahasa asing seperti “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, dan “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan”.

#### **4.2 Latar Belakang Responden**

##### **4.2.1 Kumpulan Responden**

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kumpulan. Seramai 73 orang (57.5%) adalah pelajar yang mengambil bahasa Jepun sebagai matapelajaran umum manakala 54 orang (42.5%) pula merupakan pelajar yang mengambil bahasa Jepun sebagai mata pelajaran wajib iaitu dari kursus SPL (TESL).

**Jadual 4.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Kumpulan**

<b>Kumpulan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan(%)</b>
<b>Kursus SPL (TESL)</b>	<b>54</b>	<b>42.5</b>
<b>Umum</b>	<b>73</b>	<b>57.5</b>
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>	<b>100%</b>

#### **4.2.2 Jantina Responden**

Jadual 4.2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Daripada 17 responden yang dipilih untuk kajian ini, seramai 94 orang (74.0%) adalah pelajar perempuan manakala 33 orang selebihnya (26.0%) pula adalah pelajar lelaki.

**Jadual 4.2: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina**

<b>Kumpulan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan(%)</b>
<b>Lelaki</b>	<b>33</b>	<b>26.0</b>
<b>Perempuan</b>	<b>94</b>	<b>74.0</b>
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>	<b>100%</b>

#### **4.2.3 Bangsa Responden**

Jadual 4.3 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut bangsa. Seramai 60 orang responden (47.2%) berbangsa Melayu, 49 orang (38.6%) berbangsa Cina, 15 orang (11.8%) berbangsa India manakala 3 responden lain (2.4%) terdiri daripada lain-lain bangsa.

**Jadual 4.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa**

<b>Bangsa</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus(%)</b>
<b>Melayu</b>	<b>60</b>	<b>47.2</b>
<b>Cina</b>	<b>49</b>	<b>38.6</b>
<b>India</b>	<b>15</b>	<b>11.8</b>
<b>Lain-lain</b>	<b>3</b>	<b>2.4</b>
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>	<b>100</b>

### **4.3 Deskriptif Item**

#### **4.3.1 Maklumbalas Responden Terhadap Faktor “Kebimbangan Berkomunikasi”**

Jadual 4.4 di bawah menunjukkan maklumbalas responden terhadap setiap item yang dikaji untuk faktor “Kebimbangan Berkomunikasi” di mana terdapat 12 soalan dikenalpasti sebagai medium pengukuran bagi menguji faktor keresahan ini.

Kebanyakan pelajar menjawab bersetuju dengan item-item faktor “keimbangan berkomunikasi”. Soalan-soalan di sub-skala ini mempersoalkan tahap keyakinan responden apabila berhadapan dengan situasi yang melibatkan kesediaan mereka untuk bertutur dalam kelas bahasa Jepun.

Bagi Item a1, seramai 43 orang (33.9%) bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka sentiasa berasa kurang yakin semasa menggunakan bahasa Jepun. Terdapat 12 orang responden (9.4%) sangat bersetuju, dan 32 orang (25.2%) tidak pasti manakala selebihnya tidak setuju dan sangat tidak setuju. Maka di sini dapat disimpulkan bahawa responden sentiasa berasa kurang yakin semasa menggunakan bahasa Jepun di dalam kelas.

Bagi item a3 pula, dengan nilai min 3.13, 49 orang (38.6%) dan 11 orang (8.7%) responden memberikan respon masing-masing setuju dan sangat setuju terhadap pernyataan bahawa mereka berasa gugup apabila tahu yang mereka akan dipanggil oleh pensyarah (*sensei*) dalam kelas bahasa Jepun. Seramai 35 orang (27.6%) responden tidak bersetuju, 22 orang (17.3%) tidak pasti dan 10 orang (7.9%) menyatakan sangat tidak setuju.

Bagi item a4 iaitu berasa gementar apabila tidak faham dengan apa yang dipertuturkan oleh *sensei*, 48 orang (37.8%) dan 10 orang (7.9%) responden memberikan maklumbalas masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju. Seramai 42 orang (33.1%) dan 6 orang (4.7%) responden masing-masing bersetuju dan sangat setuju dengan item a4. Manakala 21 orang responden (16.5%) menyatakan tidak pasti.

Seterusnya item a9 memberikan nilai min 3.48 dengan 60 orang (47.2%) dan 16 orang (12.6%) responden memberikan respon masing-masing setuju dan sangat setuju. Seramai 25 orang (19.7%) memberikan jawapan tidak pasti dan selebihnya iaitu 21 orang (16.5%) dan 5 orang (3.9%) masing-masing memberikan respon tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item a9 iaitu berasa panik sekiranya terpaksa bertutur dalam bahasa Jepun tanpa sebarang persediaan.

Manakala bagi item a13 42 orang (33.1%) responden memberikan jawapan tidak pasti terhadap pernyataan mereka merasa malu untuk menjawab soalan secara sukarela semasa di dalam kelas. Seramai 32 orang (25.2%) dan 8 orang (6.3%) masing-masing setuju dan sangat setuju dengan item a13 dan selebihnya iaitu 28 orang (22.0%) dan 17 orang (13.4%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Bagi item a14, dengan nilai min 2.70 seramai 44 orang (34.6%) responden memberikan jawapan tidak pasti kepada pernyataan bahawa mereka tidak akan berasa gementar untuk bercakap Jepun dengan orang Jepun. Seterusnya 34 orang (26.8%) dan 20 orang (15.7%) responden masing-masing memberikan respon tidak setuju dan sangat tidak setuju. Manakala 22 orang (17.3%) dan 7 orang (5.5%) masing-masing memberikan jawapan setuju dan sangat setuju dengan item a14 itu.

**Jadual 4.4: Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Yang Dikaji  
Dalam “Kebimbangan Berkomunikasi”**

	<b>Kenyataan</b>	<b>STS</b>	<b>TP</b>	<b>TS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
a1	Saya sentiasa berasa kurang yakin semasa menggunakan Bahasa Jepun di dalam kelas Bahasa Jepun.	<u>1</u> 0.8%	<u>39</u> 30.7%	<u>32</u> 25.2%	<u>43</u> 33.9%	<u>12</u> 9.4%	3.20	1.01
a3	Saya berasa gugup apabila saya tahu yang saya akan dipanggil oleh <i>sensei</i> dalam kelas Bahasa Jepun.	<u>10</u> 7.9%	<u>35</u> 27.6%	<u>22</u> 17.3%	<u>49</u> 38.6%	<u>11</u> 8.7%	3.13	1.15
a4	Saya berasa gementar apabila saya tidak faham apa yang dipertuturkan oleh <i>sensei</i> dalam bahasa Jepun.	<u>10</u> 7.9%	<u>48</u> 37.8%	<u>21</u> 16.5%	<u>42</u> 33.1%	<u>6</u> 4.7%	2.89	1.10
a9	Saya akan rasa panik sekiranya terpaksa bertutur dalam Bahasa Jepun tanpa Sebarang persediaan.	<u>5</u> 3.9%	<u>21</u> 16.5%	<u>25</u> 19.7%	<u>60</u> 47.2%	<u>16</u> 12.6%	3.48	1.04
a13	Saya malu untuk menjawab soalan soalan secara sukarela semasa di dalam kelas.	<u>17</u> 13.4%	<u>28</u> 22.0%	<u>42</u> 33.1%	<u>32</u> 25.2%	<u>8</u> 6.3%	2.89	1.12
a14	Saya tidak akan berasa gementar untuk bercakap Jepun dengan orang-orang Jepun.	<u>20</u> 15.7%	<u>34</u> 26.8%	<u>44</u> 34.6%	<u>22</u> 17.3%	<u>7</u> 5.5%	2.70	1.10
a18	Saya berasa yakin apabila saya bertutur menggunakan Bahasa Jepun ketika di dalam kelas.	<u>6</u> 4.7%	<u>30</u> 23.6%	<u>49</u> 38.6%	<u>36</u> 28.3%	<u>6</u> 4.7%	3.05	0.95
a20	Saya dapat merasakan jantung saya berdegup ketika hendak pergi ke kelas Bahasa Jepun.	<u>43</u> 33.9%	<u>54</u> 42.5%	<u>10</u> 7.9%	<u>12</u> 9.4%	<u>8</u> 6.3%	2.12	1.17
a24	Saya berasa segan dan malu sendiri apabila bercakap Jepun.	<u>17</u> 13.4%	<u>38</u> 29.9%	<u>28</u> 22.0%	<u>35</u> 27.6%	<u>9</u> 7.1%	2.85	1.18
a27	Saya berasa gementar dan keliru apabila bertutur menggunakan Bahasa Jepun.	<u>13</u> 10.2%	<u>49</u> 38.6%	<u>30</u> 23.6%	<u>29</u> 22.8%	<u>6</u> 4.7%	2.73	1.07
a29	Saya akan jadi gementar apabila saya tidak faham setiap butir perkataan yang dipertuturkan <i>sensei</i> .	<u>9</u> 7.1%	<u>29</u> 22.8%	<u>29</u> 22.8%	<u>43</u> 33.9%	<u>17</u> 13.4%	3.24	1.16
a33	Saya menjadi gementar apabila <i>sensei</i> bertanya soalan dalam Bahasa Jepun untuk perkara saya tidak bersedia.	<u>9</u> 7.1%	<u>22</u> 17.3%	<u>24</u> 18.9%	<u>56</u> 44.1%	<u>16</u> 12.6%	3.38	1.13

Nota:

Angka bergaris di bawah mewakili bilangan; (N=127)

STS	-Sangat Tidak Setuju	S	-Setuju
TS	-Tidak Setuju	SS	-Sangat Setuju
TP	-Tidak Pasti	SP	-Sisihan Piawai

Seterusnya, merujuk kepada Jadual 4.4 bagi item a18, dengan nilai min 3.05, seramai 49 orang (38.6%) responden memberikan respon tidak pasti manakala 36 orang (28.3%) dan 6 orang (4.7%) masing-masing bersetuju dan sangat setuju dengan item a18 dan selebihnya iaitu 30 orang (23.6%) dan 6 orang (4.7%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item a18 iaitu berasa yakin apabila bertutur menggunakan bahasa Jepun ketika di dalam kelas. Begitu juga dengan item a18, pelajar masih juga tidak pasti bahawa mereka yakin boleh bertutur bahasa Jepun ketika di dalam kelas.

Manakala item a20 yang menyatakan mereka dapat merasakan jantung berdegup ketika hendak pergi ke kelas bahasa Jepun, 54 orang (42.5%) dan 43 orang (33.9%) responden masing-masing memberikan respon tidak setuju dan sangat tidak setuju. Manakala 12 orang (9.4%) dan 8 orang (6.3%) masing-masing setuju dan sangat setuju dan selebihnya iaitu 10 orang (7.9%) memberikan respon tidak pasti terhadap item a20.

38 orang (29.9%) dan 17 orang (13.4%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item a24 iaitu berasa segan dan malu sendiri apabila bercakap Jepun di depan rakan lain. Seramai 35 orang (27.6%) dan 9 orang (7.1%) responden masing-masing setuju dan sangat setuju manakala 28 orang (22.0%) memberikan jawapan tidak pasti terhadap pernyataan tersebut.

49 orang (38.6%) dan 13 orang (10.2%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item a27 iaitu berasa gementar dan keliru apabila bertutur menggunakan bahasa Jepun. Manakala 28 orang (22.0%) memberikan respon tidak

pasti. Selebihnya yakni 35 orang (27.6%) dan 6 orang (4.7%) responden masing-masing setuju dan sangat setuju dengan item a27.

Bagi item a29, 43 orang (33.9%) dan 17 orang (13.4%) masing-masing setuju dan sangat setuju dengan pernyataan bahawa mereka menjadi gementar apabila tidak faham setiap butir perkataan yang dituturkan oleh *sensei*. Manakala 29 orang (22.8%) memberikan respon tidak pasti. Selebihnya yakni 29 orang (22.8%) dan 9 orang (7.1%) masing-masing menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju.

54 orang (44.1%) dan 16 orang (12.6%) masing-masing setuju dan sangat setuju dengan item a33 iaitu menjadi gementar apabila *sensei* bertanya soalan dalam bahasa Jepun untuk perkara yang tidak bersedia. Manakala 24 orang (18.9%) memberikan respon tidak pasti. Selebihnya yakni 22 orang (17.3%) dan 9 orang (7.1%) masing-masing menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

#### **4.3.2 Maklumbalas Responden Terhadap Faktor “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”**

Jadual 4.5 di bawah menunjukkan maklumbalas responden terhadap setiap item yang dikaji dalam “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, terdapat 8 soalan dikenalpasti sebagai medium pengukuran bagi menguji faktor keresahan ini.

Item a2 memberikan nilai min 3.30 dengan 48 orang (37.8%) dan 20 orang (15.7%) responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju. Manakala seramai 28 orang (22.0%) dan 11 orang (8.7%) masing-masing memberikan respon tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item a2. Selebihnya seramai 20 orang (15.7%) memberikan jawapan tidak pasti bagi item a2 iaitu tidak bimbang melakukan kesilapan Bahasa Jepun di dalam kelas. Ini menunjukkan kebanyakan responden bersetuju dengan item a2.

**Jadual 4.5: Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item Yang Dikaji  
Dalam “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”**

	<b>Kenyataan</b>	<b>STS</b>	<b>TP</b>	<b>TS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
a2	Saya tidak bimbang melakukan kesilapan Bahasa Jepun di dalam kelas.	<u>11</u> 8.7%	<u>39</u> 22.0%	<u>32</u> 15.7%	<u>43</u> 37.8%	<u>12</u> 15.7%	3.30	1.22
a7	Saya sering merasakan bahawa pelajar lain mempunyai penguasaan Bahasa Jepun yang lebih baik dari saya.	<u>13</u> 10.2%	<u>30</u> 23.6%	<u>30</u> 23.6%	<u>40</u> 31.5%	<u>14</u> 11.0%	3.09	1.18
a8	Saya selalu merasa tenang ketika mengambil ujian Bahasa Jepun.	<u>12</u> 9.4%	<u>30</u> 23.6%	<u>37</u> 29.1%	<u>43</u> 33.9%	<u>5</u> 3.9%	2.99	1.06
a15	Saya berasa kecewa apabila tidak faham pembetulan yang diberi oleh <i>sensei</i> .	<u>7</u> 5.5%	<u>31</u> 24.4%	<u>21</u> 16.5%	<u>51</u> 40.2%	<u>17</u> 13.4%	3.31	1.15
a19	Saya merasa gentar apabila <i>sensei</i> sentiasa hendak memperbetulkan kesalahan penggunaan Bahasa Jepun saya.	<u>29</u> 22.8%	<u>61</u> 48.0%	<u>20</u> 15.7%	<u>12</u> 9.4%	<u>5</u> 3.9%	2.24	1.03
a21	Semakin kerap saya berlatih berbahasa Jepun, saya menjadi semakin keliru.	<u>39</u> 30.7%	<u>51</u> 40.2%	<u>16</u> 12.6%	<u>15</u> 11.8%	<u>6</u> 4.7%	2.20	1.14
a23	Saya selalu beranggapan bahawa pelajar lain lebih fasih berbahasa Jepun berbanding saya.	<u>7</u> 5.5%	<u>37</u> 29.1%	<u>27</u> 21.3%	<u>42</u> 33.1%	<u>14</u> 11.0%	3.15	1.13
a31	Saya takut pelajar yang lain akan mentertawakan saya apabila bertutur Bahasa Jepun.	<u>20</u> 15.7%	<u>64</u> 50.4%	<u>17</u> 13.4%	<u>23</u> 18.1%	<u>3</u> 2.4%	2.41	1.03

Angka bergaris di bawah mewakili bilangan; (N=127)

STS	-Sangat Tidak Setuju	S	-Setuju
TS	-Tidak Setuju	SS	-Sangat Setuju
TP	-Tidak Pasti	SP	-Sisihan Piawai



Manakala item a7, iaitu sering merasakan bahawa pelajar lain mempunyai penguasaan bahasa Jepun yang lebih baik dari diri responden, 40 orang (23.6%) dan 14 orang (11.0%) responden masing-masing memberikan respon setuju dan sangat setuju. Seramai 30 orang (23.6%) dan 13 orang (10.2%) masing-masing memberikan respon tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item a7. Manakala 30 orang (23.6%) pula memberikan jawapan tidak pasti.

Bagi item a8, 43 orang (33.9%) dan 5 orang (3.9%) masing-masing setuju dan sangat setuju bahawa mereka merasa tenang ketika mengambil ujian bahasa Jepun. Seramai 37 orang (23.6%) memberikan jawapan tidak pasti manakala 30 orang (23.6%) dan 13 orang (10.2%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Bagi item a15, majoriti responden berasa kecewa apabila tidak faham pembetulan yang diberikan *sensei*, dengan min 2.24 di mana 51 orang (40.2%) dan 17 orang (13.4%) responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dengan item a15. Manakala selebihnya, iaitu 31 orang (24.4%) dan 7 orang (5.5%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item a15. Seramai 21 orang (16.5%) memberikan jawapan tidak pasti.

Tetapi maklumbalas responden terhadap item a19, iaitu merasa gentar apabila *sensei* sentiasa hendak memperbetulkan setiap kesalahan penggunaan bahasa Jepun adalah sebaliknya. Mereka majoritinya tidak bersetuju dengan item a19 di mana 61 orang (48.0%) dan 29 orang (22.8%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju. Manakala 20 orang (15.7%) daripada responden memberikan jawapan tidak pasti, dan responden yang lain iaitu 12 orang (9.4%) dan 5 orang (3.9%) bersetuju dan sangat bersetuju.

Seterusnya, bagi item a21, kebanyakan responden tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa semakin kerap mereka berlatih bahasa Jepun, semakin keliru mereka. Terdapat 51 orang (40.2%) dan 39 orang (30.7%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala 16 orang (12.6%) memberikan jawapan tidak pasti. Selebihnya, iaitu seramai 15 orang

(11.8%) dan 6 orang (4.7%) masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dengan item a21.

Bagi item a23 iaitu selalu beranggapan bahawa pelajar lain lebih fasih berbahasa Jepun berbanding dirinya, 42 orang (33.1%) dan 14 orang (11.0%) responden masing-masing memberikan maklumbalas setuju dan sangat bersetuju. Seramai 37 orang (29.1%) dan 7 orang (5.5%) masing-masing memberikan maklumbalas tidak setuju dan sangat tidak setuju dan selebihnya yakni 27 orang (21.3%) memberikan jawapan tidak pasti.

Seterusnya, bagi pernyataan item a 31 iaitu takut pelajar lain akan mentertawakan mereka apabila bertutur dalam bahasa Jepun, seramai 64 orang (50.4%) dan 20 orang (15.7%) masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju. Manakala selebihnya iaitu seramai 23 orang (18.1%), 3 orang (2.4%) dan 17 orang (13.4%) masing-masing memberikan jawapan setuju, sangat setuju dan tidak pasti.

Di sini dapat disimpulkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan setiap item yang digunakan bagi mengkaji “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”.

#### **4.3.3 Maklumbalas Responden Terhadap Faktor “Perasaan Umum Terhadap Faktor Keresahan”**

Jadual 4.6 di bawah menunjukkan maklumbalas responden terhadap setiap item yang dikaji bagi faktor “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan”. Terdapat 13 soalan dikenalpasti sebagai medium pengukuran bagi menguji faktor tahap keresahan ini.

44 orang (34.6%) responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan a5 iaitu saya tidak takut untuk mengambil kelas bahasa Jepun

yang seterusnya.. Manakala seramai 10 orang (7.9%) dan 7 orang (5.5%) masing-masing memberikan maklumbalas tidak setuju dan sangat tidak setuju . Selebihnya seramai 22 orang (17.3%) memberikan jawapan tidak pasti..

Bagi item a6 dengan nilai min 1.98, seramai 50 orang (39.4%) dan 46 orang (36.2%) responden masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan bahawa semasa di dalam kelas, responden sentiasa berfikir tentang perkara yang tidak berkaitan dengan bahasa Jepun. Manakala seramai 11 orang (8.7%) dan 1 orang (0.8%) masing-masing memberikan maklumbalas setuju dan sangat setuju dengan item a6. Selebihnya seramai 19 orang (15.0%) memberikan jawapan tidak pasti.

43 orang (33.9%) dan 34 orang (26.8%) responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dengan item a10 iaitu responden bimbang mengenai kesan daripada kegagalan dalam kelas bahasa Jepun. Manakala seramai 21 orang (16.5%) dan 11 orang (8.7%) masing-masing memberikan maklumbalas tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item a10. Selebihnya seramai 18 orang (14.2%) memberikan jawapan tidak pasti.

38 orang (29.9%) dan 21 orang (16.5%) responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dengan item a11 iaitu responden tidak faham mengapa sesetengah pelajar berasa tertekan dengan bahasa Jepun. Manakala seramai 18 orang (14.2%) dan 13 orang (10.2%) masing-masing memberikan maklumbalas tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Selebihnya seramai 37 orang (29.1%) memberikan jawapan tidak pasti.

51 orang (44.2%) dan 12 orang (9.4%) responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dengan item a16 iaitu walaupun responden sudah membuat persediaan yang baik untuk kelas bahasa Jepun, responden masih berasa risau. Manakala seramai 40 orang (31.5%) dan 14 orang (11.0%) masing-masing memberikan maklumbalas tidak setuju dan sangat tidak setuju. Selebihnya seramai 10 orang (7.9%) memberikan jawapan tidak pasti bagi item a16

Bagi item a22 dengan nilai min 3.39, seramai 53 orang (41.7%) dan 21 orang (16.5%) responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju. Manakala seramai 22 orang (17.3%) dan 12 orang (17.3%) masing-masing memberikan respon tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item a22. Selebihnya seramai 19 orang (15.0%) memberikan jawapan tidak pasti bagi item a22 iaitu responden tidak berasa tertekan untuk membuat persediaan yang baik untuk kelas bahasa Jepun.

54 orang (42.5%) dan 19 orang (15.0%) responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dengan item a25 iaitu kelas bahasa Jepun berjalan dengan cepat, responden bimbang jikalau ketinggalan. Manakala seramai 22 orang (17.3%) dan 10 orang (7.9%) masing-masing memberikan maklumbalas tidak setuju dan sangat tidak setuju. Selebihnya seramai 22 orang (17.3%) memberikan jawapan tidak pasti.

49 orang (38.6%) dan 18 orang (14.2%) responden masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dengan item a28 iaitu apabila responden berjalan untuk ke kelas bahasa Jepun, responden berasa yakin dan tenang.. Manakala seramai 41 orang (32.3%) memberikan jawapan tidak pasti bagi item a28. Seterusnya seramai 8 orang (6.3%) dan 11 orang (8.7%) masing-masing memberikan maklumbalas tidak setuju dan sangat tidak setuju.

41 orang (32.3%) dan 16 orang (12.6%) responden masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju bahawa di dalam kelas bahasa Jepun, responden berasa gugup sehingga terlupa apa yang telah tahu. Manakala seramai 28 orang (22.0%) dan 20 orang (15.7%) masing-masing memberikan respon setuju dan sangat setuju dengan item a16. Selebihnya seramai 22 orang (17.3%) memberikan jawapan tidak pasti.

35 orang (27.6%) dan 58 orang (45.7%) responden masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju bersetuju bersetuju dengan item a17 yang menyatakan bahawa responden selalu berasa seperti tidak mahu pergi ke kelas bahasa Jepun. Manakala seramai 7 orang (5.5%) dan 8 orang (6.3%) masing-masing memberikan maklumbalas setuju dan sangat setuju dengan item a17. Selebihnya seramai 19 orang (15.0%) memberikan jawapan tidak pasti.

Bagi item a26 dengan nilai min 2.57, seramai 48 orang (37.8%) dan 27 orang (21.3%) responden masing-masing tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan a26 iaitu responden berasa lebih tertekan dan gementar dalam kelas bahasa Jepun berbanding dengan kelas responden yang lain. Manakala seramai 21 orang (16.5%) dan 13 orang (10.2%) masing-masing memberikan maklumbalas setuju dan sangat setuju dengan item a26. Selebihnya seramai 18 orang (14.2%) memberikan jawapan tidak pasti.

41 orang (32.3%) dan 10 orang (7.9%) responden masing-masing tidak setuju dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan di item a30 iaitu responden berasa tertekan dengan jumlah peranan yang harus responden belajar untuk berbahasa Jepun. Manakala seramai 34 orang (26.8%) dan 12 orang (9.4%) masing-masing memberikan respon setuju dan sangat setuju . Selebihnya seramai 30 orang (23.6%) memberikan jawapan tidak pasti.

Untuk item a32 iaitu responden mungkin berasa selesa menggunakan bahasa Jepun dengan orang-orang Jepun, majoriti daripada responden memberikan jawapan tidak pasti iaitu seramai 51 orang (40.2%). Seramai 28 orang (22.0%) dan 23 orang (18.1%) responden masing-masing memberikan respon tidak setuju dan sangat tidak setuju. Selebihnya iaitu 23 orang (18.1%) dan 2 orang (1.6%) responden masing-masing memberikan respon setuju dan sangat setuju.

**Jadual 4.6: Maklumbalas Responden Terhadap Setiap Item yang dikaji dalam “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan”**

	<b>Kenyataan</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
a5	Saya tidak takut untuk mengambil kelas Bahasa Jepun yang seterusnya.	<u>7</u> 5.5%	<u>10</u> 7.9%	<u>22</u> 17.3%	<u>44</u> 34.6%	<u>44</u> 34.6%	3.85	1.15
a6	Semasa di dalam kelas, saya sentiasa berfikir tentang perkara yang tidak berkaitan dengan Bahasa Jepun.	<u>46</u> 36.2%	<u>50</u> 39.4%	<u>19</u> 15.0%	<u>11</u> 8.7%	<u>1</u> 0.8%	1.98	0.97
a10	Saya bimbang mengenai kesan daripada kegagalan	<u>11</u> 8.7%	<u>21</u> 16.5%	<u>18</u> 14.2%	<u>43</u> 33.9%	<u>34</u> 26.8%	3.54	1.28

	dalam kelas Bahasa Jepun.							
a11	Saya tidak faham mengapa sesetengah pelajar berasa tertekan disebabkan oleh kelas Bahasa Jepun.	<u>13</u> 10.2%	<u>18</u> 14.2%	<u>37</u> 29.1%	<u>38</u> 29.9%	<u>21</u> 16.5%	3.28	1.20
a12	Di dalam kelas Jepun, saya akan berasa gugup sehingga terlupa apa yang saya telah tahu.	<u>16</u> 12.6%	<u>41</u> 32.3%	<u>22</u> 17.3%	<u>28</u> 22.0%	<u>20</u> 15.7%	2.96	1.30
a16	Walaupun saya sudah membuat persediaan yang baik untuk kelas Bahasa Jepun, saya masih berasa risau.	<u>14</u> 11.0%	<u>40</u> 31.5%	<u>10</u> 7.9%	<u>51</u> 40.2%	<u>12</u> 9.4%	3.06	1.24
a17	Saya selalu berasa seperti tidak mahu pergi ke kelas Bahasa Jepun.	<u>58</u> 45.7%	<u>35</u> 27.6%	<u>19</u> 15.0%	<u>7</u> 5.5%	<u>8</u> 6.3%	1.99	1.19
a22	Saya tidak berasa tertekan untuk membuat persediaan yang baik untuk kelas Bahasa Jepun saya.	<u>12</u> 9.4%	<u>22</u> 17.3%	<u>19</u> 15.0%	<u>53</u> 41.7%	<u>21</u> 16.5%	3.39	1.22
a25	Kelas Bahasa Jepun berjalan dengan cepat, saya bimbang jikalau ketinggalan.	<u>10</u> 7.9%	<u>22</u> 17.3%	<u>22</u> 17.3%	<u>54</u> 42.5%	<u>19</u> 15.0%	3.39	1.17
a26	Saya berasa lebih tertekan dan gementar dalam kelas Bahasa Jepun berbanding dengan kelas saya yang lain.	<u>27</u> 21.3%	<u>48</u> 37.8%	<u>18</u> 14.2%	<u>21</u> 16.5%	<u>13</u> 10.2%	2.57	1.28
a28	Apabila saya berjalan untuk ke kelas Bahasa Jepun, saya berasa yakin dan tenang.	<u>11</u> 8.7%	<u>8</u> 6.3%	<u>41</u> 32.3%	<u>49</u> 38.6%	<u>18</u> 14.2%	3.43	1.09
a30	Saya berasa seperti tertekan dengan jumlah peranan yang harus saya belajar untuk berbahasa Jepun.	<u>10</u> 7.9%	<u>41</u> 32.3%	<u>30</u> 23.6%	<u>34</u> 26.8%	<u>12</u> 9.4%	2.98	1.14
a32	Saya mungkin berasa selesa menggunakan Bahasa Jepun dengan orang-orang Jepun.	<u>23</u> 18.1%	<u>28</u> 22.0%	<u>51</u> 40.2%	<u>23</u> 18.1%	<u>2</u> 1.6%	2.63	1.03

Angka bergaris di bawah mewakili bilangan; (N=127)

STS	-Sangat Tidak Setuju	S	-Setuju
TS	-Tidak Setuju	SS	-Sangat Setuju
TP	-Tidak Pasti	SP	-Sisihan Piawai

#### 4.4 Analisis Tahap Setiap Faktor Keresahan.

Berikut ialah analisis tahap bagi faktor “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan”

**Jadual 4.7 Analisis Tahap Setiap Faktor Keresahan**

Faktor Keresahan	Tahap		Jumlah
	Rendah	Tinggi	
<b>Kebimbangan Berkomunikasi</b>	<u>68</u> 53.5 %	<u>59</u> 46.5 %	<u>127</u> 100 %
<b>Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif</b>	<u>46</u> 36.2 %	<u>81</u> 63.8 %	<u>127</u> 100 %
<b>Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan</b>	<u>44</u> 34.6 %	<u>83</u> 65.4 %	<u>127</u> 100 %
<b>Keseluruhan Tahap Keresahan</b>	<u>50</u> 39.4 %	<u>77</u> 60.6 %	<u>127</u> 100 %

\*Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan  
N=127

Jadual 4.7 menunjukkan analisis tahap bagi elemen “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan”. Faktor “Kebimbangan Berkomunikasi” berada pada tahap yang rendah dengan 53.5% mewakili 68 responden. 63.8% dengan 81 pelajar menggambarkan “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif” berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dengan “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dengan 65.4% mewakili 83 responden. “Keseluruhan Tahap Keresahan” pula menyatakan bahawa 77 pelajar (60.6%) mengalami tahap keresahan yang tinggi dalam pembelajaran bahasa asing.

#### 4.5 Analisis Tahap Mengikut Jantina, Kursus dan Bangsa.

Berikut ialah analisis tahap bagi “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” mengikut jantina, kursus dan bangsa yang dialami semasa pembelajaran bahasa asing dijalankan.

##### 4.5.1 Analisis Tahap Keresahan Mengikut Jantina

Jadual 4.8 di bawah menunjukkan analisis tahap faktor keresahan mengikut jantina. Dapatan kajian memperolehi majoriti golongan lelaki mengalami “Kebimbangan Berkomunikasi” yang tinggi berbanding pelajar perempuan dengan catatan 17 orang (51.5%). Sebaliknya, pelajar perempuan mencatat bilangan 52 orang individu (55.3%) pada tahap kebimbangan untuk berkomunikasi yang rendah. Kedua-dua kumpulan berkongsi pendapat terhadap faktor “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif” apabila 72.7% (24 orang) pelajar lelaki dan 60.6% (57 orang) pelajar perempuan masing-masing berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga keadaannya dengan faktor “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” yang turut mencatat keputusan pada tahap yang tinggi dengan 78.8% (26 orang) pelajar lelaki dan 60.6% mewakili 57 orang pelajar perempuan. Secara keseluruhannya, tahap keresahan berada pada tahap yang tinggi bagi kedua-dua jantina dengan bilangan 24 orang (72.7%) dari pelajar lelaki dan 53 orang mewakili 56.4% dari pelajar perempuan.

**Jadual 4.8: Analisis Tahap bagi “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Mengikut Jantina.**

Faktor Keresahan	Jantina	Rendah	Tinggi	Jumlah
<b>Kebimbangan Berkomunikasi</b>	Lelaki	<u>16</u> 48.5 %	<u>17</u> 51.5 %	<u>33</u> 26.0 %



	Perempuan	<u>52</u> 55.3 %	<u>42</u> 44.7 %	<u>94</u> 74.0 %
<b>Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif</b>	Lelaki	<u>9</u> 27.3 %	<u>24</u> 72.7 %	<u>33</u> 26.0 %
	Perempuan	<u>37</u> 39.4 %	<u>57</u> 60.6 %	<u>94</u> 74.0 %
<b>Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan</b>	Lelaki	<u>7</u> 21.2 %	<u>26</u> 78.8 %	<u>33</u> 26.0 %
	Perempuan	<u>37</u> 39.4 %	<u>57</u> 60.6 %	<u>94</u> 74.0 %
<b>Keseluruhan Tahap Keresahan</b>	Lelaki	<u>9</u> 27.3 %	<u>24</u> 72.7 %	<u>33</u> 26.0 %
	Perempuan	<u>41</u> 43.6 %	<u>53</u> 56.4 %	<u>94</u> 74.0 %

\*Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan  
N=127

#### 4.5.2 Analisis Tahap Keresahan Mengikut Kursus

Jadual 4.9 di bawah menunjukkan analisis tahap faktor keresahan mengikut kursus yang diambil. Dapatan kajian memperolehi majoriti kumpulan pelajar dari TESL iaitu 51.9% yang mewakili 28 orang individu mahupun pelajar Umum dalam lingkungan 40 orang (54.8%) mengalami tahap bagi faktor “Kebimbangan Berkomunikasi” yang rendah. Sebaliknya, 33 orang pelajar TESL (61.1%) dan 48 orang pelajar Umum (65.8%) berada pada tahap yang tinggi bagi faktor “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”. Kedua-dua kumpulan turut berkongsi kedudukan tahap bagi faktor “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” apabila 51.9% (28 orang) pelajar TESL dan 75.3% (55 orang) pelajar Umum masing-masing berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, tahap keresahan berada pada tahap yang tinggi bagi kedua-dua kumpulan kursus dengan bilangan 30 orang (55.6%) dari pelajar TESL dan 47 orang mewakili 64.4% dari pelajar Umum.

**Jadual 4.9: Analisis Tahap bagi “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Mengikut Kursus.**

Faktor Keresahan	Kursus	Rendah	Tinggi	Jumlah
Kebimbangan Berkomunikasi	TESL	<u>28</u> 51.9 %	<u>26</u> 48.1 %	<u>54</u> 42.5 %
	Umum	<u>40</u> 54.8 %	<u>33</u> 45.2 %	<u>73</u> 57.5 %
Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif	TESL	<u>21</u> 38.9 %	<u>33</u> 61.1 %	<u>54</u> 42.5 %
	Umum	<u>25</u> 34.2 %	<u>48</u> 65.8 %	<u>73</u> 57.5 %
Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan	TESL	<u>26</u> 48.1 %	<u>28</u> 51.9 %	<u>54</u> 42.5 %
	Umum	<u>18</u> 24.7 %	<u>55</u> 75.3 %	<u>73</u> 57.5 %
Keseluruhan Tahap Keresahan	TESL	<u>24</u> 44.4 %	<u>30</u> 55.6 %	<u>54</u> 42.5 %
	Umum	<u>26</u> 35.6 %	<u>47</u> 64.4 %	<u>73</u> 57.5 %

\*Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan N=127

#### 4.5.3 Analisis Tahap Keresahan Mengikut Bangsa

**Jadual 4.10: Analisis Tahap bagi “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” Mengikut Bangsa.**

Faktor Keresahan	Bangsa	Rendah	Tinggi	Jumlah
Kebimbangan Berkomunikasi	Melayu	<u>26</u> 43.3 %	<u>34</u> 56.7%	<u>60</u> 47.2%
	Cina	<u>29</u> 59.2%	<u>20</u> 40.8%	<u>49</u> 38.6%

	India	<u>11</u> 73.3%	<u>4</u> 26.7%	<u>15</u> 11.8%
	Lain-lain	<u>2</u> 66.7%	<u>1</u> 33.3%	<u>3</u> 2.4%
<b>Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif</b>	Melayu	<u>19</u> 31.7%	<u>41</u> 68.3%	<u>60</u> 47.2%
	Cina	<u>13</u> 26.5%	<u>36</u> 73.5%	<u>49</u> 38.6%
	India	<u>12</u> 80.0%	<u>3</u> 20.0%	<u>15</u> 11.8%
	Lain-lain	<u>2</u> 66.7%	<u>1</u> 33.3%	<u>3</u> 2.4%
<b>Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan</b>	Melayu	<u>18</u> 30.0%	<u>42</u> 70.0%	<u>60</u> 47.2%
	Cina	<u>14</u> 28.6%	<u>35</u> 71.4%	<u>49</u> 38.6%
	India	<u>12</u> 80.0%	<u>3</u> 20.0%	<u>15</u> 11.8%
	Lain-lain	-	<u>3</u> 100%	<u>3</u> 2.4%
<b>Keseluruhan Tahap Keresahan</b>	Melayu	<u>21</u> 35.0%	<u>39</u> 65.0%	<u>60</u> 47.2%
	Cina	<u>15</u> 30.6%	<u>34</u> 69.4%	<u>49</u> 38.6%
	India	<u>12</u> 80.0%	<u>3</u> 20.0%	<u>15</u> 11.8%
	Lain-lain	<u>2</u> 66.7%	<u>1</u> 33.3%	<u>3</u> 2.4%

\*Angka yang bergaris di bawahnya mewakili bilangan  
N=127

Jadual 4.10 di atas menunjukkan analisis tahap faktor keresahan mengikut bangsa. Dapatan kajian memperolehi majoriti kumpulan pelajar Melayu dengan 56.7% berasa bimbang untuk berkomunikasi dalam bahasa asing. Ketiga-tiga bangsa yang lain mencatat tahap yang rendah bagi faktor “Kebimbangan Berkomunikasi” iaitu dalam lingkungan 59.2% hingga 73.3%. Pelajar Melayu dan Cina mencatat “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif” yang tinggi dengan masing-masing 68.3% dan 73.5%. Bangsa India dan lain-lain bangsa pula menunjukkan kedudukan tahap yang sebaliknya. Majoriti responden berbangsa India iaitu sebanyak 80.0% daripada mereka berada pada tahap yang rendah bagi faktor “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan”. Tiga bangsa yang lain berada pada kedudukan tahap yang bertentangan dengan masing-masing mencatat 70.0% bagi

Melayu, 71.4% bagi Cina dan 100% bagi lain-lain bangsa. “Keseluruhan Tahap Keresahan” pula mencatatkan responden berbangsa Melayu dengan 65.0% dan pelajar berbangsa Cina dengan 69.4% berada pada tahap keresahan yang tinggi. Berbeza dengan pelajar bangsa India (80.0%) dan lain-lain bangsa (66.7%) yang mengalami tahap keresahan yang rendah dalam pembelajaran bahasa asing yang dihadiri.

#### **4.6 Analisis Inferensi - Perbandingan**

Berikut ialah keputusan analisis Ujian-t, skor min, ANOVA sehalu dan Ujian LSD (*Least Significant Difference*) bagi melihat perbezaan di antara “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi jantina, kursus yang diambil dan juga bangsa yang diwakili oleh responden.

##### **4.6.1 Analisis Ujian-t Perbandingan dari Segi Jantina**

**Hipotesis 1: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi jantina.**

Jadual 4.11 menunjukkan keputusan Ujian-t perbandingan bagi “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi jantina.

Analisis Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dengan responden perempuan terhadap “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan

Tahap Keresahan”. Nilai 'p' bagi ketiga-tiga faktor di atas ialah antara 0.005 hingga 0.04 iaitu lebih rendah daripada nilai aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 (5%) dan ianya menunjukkan kecenderungan ke arah yang signifikan.

Sementara bagi faktor “Kebimbangan Berkomunikasi” pula, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi jantina disebabkan nilai ‘p’ yang lebih tinggi (0.44) dari nilai aras signifikan piawai.

Oleh yang demikian Hipotesis 1 yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor “Kebimbangan Berkomunikasi” dari segi jantina boleh diterima.

**Jadual 4.11: Analisis Ujian-t Perbandingan bagi “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari Segi Jantina.**

	<b>Faktor Keresahan</b>	<b>Jantina</b>	<b>n</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Ujian-t</b>	<b>p</b>
1.	<b>Kebimbangan Berkomunikasi</b>	Lelaki	33	3.06	0.61	0.77	0.44
		Perempuan	94	2.96	0.68		
2.	<b>Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif</b>	Lelaki	33	3.43	0.58	2.11	0.03*
		Perempuan	94	3.17	0.62		
3.	<b>Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan</b>	Lelaki	33	3.49	0.55	2.57	0.005*
		Perempuan	94	3.15	0.70		
4.	<b>Keseluruhan Tahap Keresahan</b>	Lelaki	33	3.32	0.52	1.97	0.04*
		Perempuan	94	3.09	0.61		

\*Signifikan pada aras  $p \leq 0.05$

#### 4.6.2 Analisis Ujian-t Perbandingan dari Segi Kursus

**Hipotesis 2: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi kursus.**

Jadual 4.12 menunjukkan keputusan kajian Ujian-t perbandingan bagi “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi kursus.

Analisis Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar TESL dengan pelajar Umum terhadap “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan”. Nilai 'p' bagi ketiga-tiga faktor di atas ialah antara 0.12 hingga 0.80 iaitu lebih tinggi daripada nilai aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 (5%) dan ianya tidak menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan.

Sementara bagi “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan”, nilai 'p' (0.01) yang lebih rendah diperolehi daripada nilai aras signifikan piawai menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor tersebut dari segi kursus.

Oleh yang demikian Hipotesis 2 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi kursus boleh diterima.

**Jadual 4.12: Analisis Ujian-t Perbandingan bagi “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari Segi Kursus.**

	<b>Faktor Keresahan</b>	<b>Kursus</b>	<b>n</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Ujian-t</b>	<b>p</b>
1.	<b>Kebimbangan Berkomunikasi</b>	TESL	54	2.97	0.72	-0.26	0.80
		Umum	73	3.00	0.61		
2.	<b>Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif</b>	TESL	54	3.17	0.61	-1.02	0.31
		Umum	73	3.28	0.62		
3.	<b>Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan</b>	TESL	54	3.05	0.71	-2.73	0.01*
		Umum	73	3.38	0.62		
4.	<b>Keseluruhan Tahap Keresahan</b>	TESL	54	3.05	0.64	-1.55	0.12
		Umum	73	3.22	0.56		

\*Signifikan pada aras  $p \leq 0.05$

#### 4.6.3 Analisis Skor Min dan ANOVA Sehala Perbandingan dari Segi Bangsa

**Hipotesis 3: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi bangsa.**

Jadual 4.13 menunjukkan analisis skor min manakala Jadual 4.14 pula menunjukkan analisis ANOVA sehala perbandingan bagi faktor “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan dari segi bangsa.

**Jadual 4.13: Analisis Skor Min Bagi “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari Segi Bangsa.**

	Faktor Keresahan	Min Bangsa			
		Melayu	Cina	India	Lain-lain
1.	<b>Kebimbangan Berkomunikasi</b>	3.16	2.95	2.45	2.92
2.	<b>Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif</b>	3.30	3.33	2.70	3.04
3	<b>Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan</b>	3.35	3.35	2.47	3.13
4	<b>Keseluruhan Tahap Keresahan</b>	3.27	3.20	2.52	3.03

Berdasarkan Jadual 4.14 bagi ANOVA sehala di bawah, analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi bangsa. Nilai ‘ f ’ yang diperolehi bagi faktor-faktor ini ialah antara 0.001 hingga 0.004, manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah 0.05 (5%). Nilai ‘ f ’ ini adalah sangat rendah dan ini menunjukkan dapatan kajian berkecenderungan ke arah yang signifikan.

Oleh yang demikian, Hipotesis 3 yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi bangsa boleh ditolak.



**Jadual 4.14: Analisis ANOVA Sehala Perbandingan bagi “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari Segi Bangsa**

	<b>Faktor Keresahan</b>	<b>Sumber</b>	<b>Jum. kuasa dua</b>	<b>dk</b>	<b>Min kuasa dua</b>	<b>Nisbah F</b>	<b>sig. f</b>
1.	<b>Kebimbangan Berkomunikasi</b>	Antara kumpulan	3	6.116	2.039	5.15	0.002*
		Dalam kumpulan	123	48.709	0.396		
2.	<b>Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif</b>	Antara kumpulan	3	5.141	1.714	4.94	0.003*
		Dalam kumpulan	123	42.679	0.347		
3.	<b>Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan</b>	Antara kumpulan	3	10.312	3.437	8.93	0.001*
		Dalam kumpulan	123	47.363	0.385		
4.	<b>Keseluruhan Tahap Keresahan</b>	Antara kumpulan	3	7.002	2.334	7.51	0.001*
		Dalam kumpulan	123	38.230	0.311		

dk = darjah kebebasan

\*signifikan pada aras 0.05.

#### **4.6.3.1 Ujian LSD (*Least Significant Difference*) bagi Perbezaan Pasangan Min dari Segi Bangsa.**

Bagi mengetahui perbezaan pasangan min bagi faktor “Kebimbangan Berkomunikasi”, “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif”, “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi bangsa, Ujian LSD (*Least Significant Difference*) digunakan. Sila rujuk Jadual 4.14, Jadual 4.15, Jadual 4.16 dan Jadual 4.17.

**Jadual 4.15: Analisis Ujian LSD Perbandingan “Kebimbangan Berkomunikasi” dari Segi Bangsa.**

Kumpulan	Min	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Melayu	3.16	-			
Cina	2.95	ts	-		
India	2.45	0.0001*	0.01*	-	
Lain-lain	2.92	ts	ts	ts	-

- signifikan pada aras 0.05
- ts – tidak signifikan

Jadual 4.15 menunjukkan keputusan analisis Ujian LSD perbandingan “Kebimbangan Berkomunikasi” dari segi bangsa. Daripada analisis Ujian LSD di atas, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara min kumpulan pelajar berbangsa India dengan min kumpulan pelajar berbangsa Melayu dan Cina.

Jadual 4.16 menunjukkan keputusan analisis Ujian LSD perbandingan “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif” dari segi bangsa. Daripada analisis Ujian LSD di atas, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min kumpulan pelajar berbangsa India dengan min kumpulan pelajar berbangsa Melayu dan Cina.

**Jadual 4.16: Analisis Ujian LSD Perbandingan “Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif” dari Segi Bangsa.**

Kumpulan	Min	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Melayu	3.30	-			
Cina	3.33	ts	-		
India	2.70	0.001*	0.0001*	-	
Lain-lain	3.04	ts	ts	ts	-

- signifikan pada aras 0.05
- ts – tidak signifikan

Jadual 4.17 menunjukkan keputusan analisis Ujian LSD perbandingan “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dari segi bangsa. Daripada analisis Ujian LSD di atas, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara min kumpulan pelajar berbangsa India dengan min kumpulan pelajar berbangsa Melayu dan Cina.

**Jadual 4.17: Analisis Ujian LSD Perbandingan “Perasaan Umum Terhadap Tahap Keresahan” dari Segi Bangsa.**

Kumpulan	Min	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Melayu	3.35	-			
Cina	3.35	ts	-		
India	2.47	0.0001*	0.0001*	-	
Lain-lain	3.13	ts	ts	ts	-

- signifikan pada aras 0.05
- ts – tidak signifikan

Jadual 4.18 menunjukkan keputusan analisis Ujian LSD perbandingan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari segi bangsa. Daripada analisis Ujian LSD di atas, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara min kumpulan pelajar berbangsa India dengan min kumpulan pelajar berbangsa Melayu dan Cina.

**Jadual 4.18: Analisis Ujian LSD Perbandingan “Keseluruhan Tahap Keresahan” dari Segi Bangsa.**

Kumpulan	Min	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Melayu	3.27	-			
Cina	3.20	ts	-		
India	2.52	0.001*	0.0001*	-	
Lain-lain	3.03	ts	ts	ts	-

- signifikan pada aras 0.05
- ts – tidak signifikan



## **BAB V**

### **PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan hasil daripada analisis yang akan diringkaskan kepada beberapa bahagian yang meliputi ringkasan kajian secara menyeluruh, perbincangan, rumusan, cadangan kajian lanjutan dan saranan kepada pihak yang terbabit.

#### **5.2 Perbincangan**

Dalam usaha untuk membantu pelajar bahasa asing mempelajari bahasa tersebut, adalah penting bagi pengamal bahasa untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan keresahan yang tinggi dan persepsi pelajar terhadap keresahan yang dialami. Kajian yang telah dilakukan terdahulu menyatakan bahawa jika pelajar melihat situasi pembelajaran sebagai mengancam, ia akan memberi kesan yang buruk terhadap pembelajaran itu sendiri (Horswill, 2002 & Bandura 1991). Tahap keresahan yang tinggi yang dialami oleh seseorang pelajar itu akan menyebabkan pembahagian antara tumpuan dan pemerhatian yang mengakibatkan pembelajarannya terganggu. Dalam ertikata lain, apabila pelajar bahasa asing itu sentiasa diganggu keresahan, mereka tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran guru. Ini menyebabkan mereka

tidak dapat memberi reaksi yang berkesan kerana tumpuan mereka telah dialih arahkan kepada tugas yang kurang memberi erti disebabkan oleh perasaan resah yang tinggi.

Mata pelajaran bahasa Jepun merupakan satu mata pelajaran yang agak mencabar terutamanya bagi pelajar tidak mempunyai pendedahan dan asas bahasa ini ketika di peringkat sekolah rendah atau menengah. Cara tulisan dan struktur ayat yang amat berbeza dengan bahasa Malaysia mahupun bahasa Inggeris menjadikan pembelajaran bahasa Jepun satu perkara yang begitu mencabar. Oleh kerana itu, kajian keresahan bahasa asing ini lebih menjurus kepada kelas bahasa Jepun yang diikuti oleh pelajar UTM.

Skop perbincangan di bahagian ini akan menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan seperti berikut:

- Sejauhmanakah tahap keresahan dan kebimbangan yang dialami oleh pelajar semasa mengikuti kelas bahasa asing?
- Apakah persepsi pelajar terhadap tahap keresahan yang dialami sepanjang menghadiri kelas bahasa asing tersebut?
- Apakah faktor atau elemen yang mempengaruhi tahap keresahan seseorang pelajar dalam pembelajaran bahasa asing?
- Apakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan hasil kajian bagi tahap keresahan di antara dua kumpulan pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa asing tersebut?
- Golongan yang manakah berada pada tahap keresahan yang tinggi jika dikaji dari segi jantina, kursus mahupun bangsa?

### **5.3 Perbincangan Berhubung dengan Analisis Diskriptif Subjek**

Analisis terhadap tahap keresahan pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing telah dibuat mengikut tiga aspek keresahan iaitu

- a. keresahan berkomunikasi
- b. keresahan terhadap penilaian negatif
- c. perasaan umum terhadap keresahan

Sub-skala tersebut telah dibandingkan berdasarkan 3 faktor yang berikut yaitu jantina, kursus dan bangsa.

### **5.3.1 Mengikut Jantina**

Berdasarkan kepada jantina responden, dapatan kajian menunjukkan tahap ‘kebimbangan berkomunikasi’ di kalangan pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan. Sebaliknya pelajar perempuan menunjukkan tahap “kebimbangan berkomunikasi” yang rendah.

Bagaimanapun kedua-dua golongan pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan tahap keresahan yang tinggi bagi faktor “perasaan takut terhadap penilaian negatif”.

Begitu juga bagi faktor “perasaan umum terhadap keresahan”, kedua-dua jantina berkongsi pendapat di mana tahap keresahan pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan tahap keresahan yang tinggi. Secara keseluruhannya, tahap keresahan pelajar lelaki dan perempuan adalah tinggi.

### **5.3.2 Mengikut Kursus**

Responden telah dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu pelajar yang mengikuti jurusan TESL dan pelajar bukan TESL yang mengikuti kursus ini secara elektif bebas.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti daripada pelajar dari kedua-dua kumpulan pelajar mempunyai tahap keresahan yang rendah bagi faktor “kebimbangan berkomunikasi”. Bagaimanapun bagi faktor “perasaan takut terhadap penilaian negatif”, kedua-dua kumpulan pelajar TESL dan Umum menunjukkan tahap keresahan yang tinggi. Kedua-dua kumpulan turut bersependapat bagi faktor “perasaan umum terhadap tahap keresahan” di mana mereka menunjukkan tahap keresahan yang tinggi bagi faktor tersebut.

Secara keseluruhannya, tahap keresahan pelajar bahasa asing ini berada pada tahap yang tinggi bagi kedua-dua kumpulan kursus TESL dan Umum.

### **5.3.3 Mengikut Bangsa**

Bagi analisis faktor keresahan mengikut bangsa, responden telah dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu bangsa Melayu, Cina, India dan bangsa lain. Dalam kajian ini didapati bahawa majoriti kumpulan pelajar bangsa Melayu mempunyai tahap “kebimbangan berkomunikasi” yang tinggi jika dibandingkan dengan pelajar bangsa Cina, India dan bangsa lain. Ketiga-tiga bangsa ini menunjukkan tahap keresahan yang rendah bagi faktor tersebut.

Bagi faktor “perasaan takut terhadap penilaian negatif” kumpulan pelajar Melayu dan Cina menunjukkan tahap keresahan yang tinggi manakala kumpulan pelajar India dan bangsa lain menunjukkan tahap keresahan yang rendah.

Bagi faktor “perasaan umum terhadap tahap keresahan” majoriti kumpulan pelajar berbangsa India menunjukkan tahap keresahan yang rendah, manakala ketiga-tiga kumpulan pelajar bangsa Melayu, Cina dan bangsa lain menunjukkan tahap keresahan yang tinggi.



Bagi keseluruhan tahap keresahan, kumpulan pelajar bangsa Melayu dan Cina menunjukkan tahap keresahan yang tinggi dalam pembelajaran bahasa asing berbanding dengan pelajar bangsa India dan bangsa lain.

#### **5.4 Perbandingan Tahap Keresahan**

Analisis inferensi telah dilakukan bagi melihat perbezaan di antara tiga sub-skala berikut iaitu 1) kebimbangan berkomunikasi, 2) perasaan takut terhadap penilaian negatif, dan 3) perasaan umum terhadap keresahan. Analisis kajian juga mengambil kira keseluruhan tahap keresahan responden. Inferensi ini dibuat mengikut jantina, kursus yang diambil dan bangsa pelajar tersebut.

Berdasarkan kepada perbincangan di bab 4, analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan bagi faktor “kebimbangan berkomunikasi”, “perasaan takut terhadap penilaian negatif”, “perasaan umum terhadap keresahan” dan keseluruhan tahap keresahan.

Begitu juga bagi apabila perbandingan dibuat berdasarkan kursus yang diambil sama ada jurusan TESL atau jurusan Umum tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar dari kumpulan yang berlainan bagi ketiga-tiga sub-skala berikut iaitu “kebimbangan berkomunikasi”, “perasaan takut terhadap penilaian negatif”, “perasaan umum terhadap keresahan”; dan tahap keresahan secara keseluruhannya. Oleh itu faktor sama ada pelajar itu mengambil kursus bahasa asing kerana ianya wajib (pelajar TESL) atau secara suka rela (pelajar Umum) tidak menunjukkan sebarang perbezaan terhadap tahap keresahan yang dialami oleh mereka.

Bagaimanapun, apabila perbandingan dibuat mengikut bangsa, analisis inferensi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara “kebimbangan berkomunikasi”, “perasaan takut terhadap penilaian negatif”, “perasaan umum terhadap keresahan” dan keseluruhan tahap keresahan. Analisis ujian LSD dapat menunjukkan bahawa terdapat

perbezaan yang signifikan antara min kumpulan pelajar berbangsa Melayu, Cina, India dan bangsa lain (rujuk bab 4).

## 5.5 Kesimpulan

Daripada analisis dan perbincangan di atas, beberapa kesimpulan dapat dibuat mengenai kajian ini.

1. Pelajar yang mempelajari bahasa asing di UTM mengalami tahap keresahan yang tinggi terutamanya untuk faktor kebimbangan berkomunikasi. Bagaimanapun, perasaan bimbang dan resah ini bukanlah suatu perkara yang luarbiasa atau unik. Keresahan terhadap pembelajaran bahasa asing merupakan satu perkara yang biasa dialami oleh pelajar yang mengikuti kursus bahasa asing. sama ada pelajar di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti ( Horner, 2002, Powell, 1991, Price, 1991, Foss & Reitzel, 1988,). Kajian yang dilakukan oleh para penyelidik terdahulu juga menunjukkan bahawa keresahan terhadap pembelajaran bahasa asing membawa pengaruh yang negatif terhadap pembelajaran bahasa itu sendiri (Casado, 2001, Horwitz et al, 1986, MacIntyre & Gardner, 1989, 1994). Kajian juga menunjukkan bahawa di antara kemahiran bahasa yang paling digeruni oleh pelajar ialah berkomunikasi secara lisan. Horner dan Redmond (2002) dalam kajian mereka telah menunjukkan bahawa berkomunikasi secara lisan adalah faktor utama yang menyebabkan keresahan dikalangan pelajar bahasa asing.
2. Faktor latar belakang seperti jantina dan kursus yang diambil tidak memberi pengaruh yang signifikan terhadap tahap keresahan dikalangan pelajar bahasa asing. Kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar jurusan TESL dan Umum. Begitu juga dengan pelajar lelaki atau perempuan.

3. Faktor bangsa dan latarbelakang budaya mungkin mempunyai sedikit pengaruh terhadap tahap keresahan seseorang. Ini selari dengan hasil kajian oleh Horwitz (1988) yang menunjukkan bahawa faktor sosio-budaya dan bangsa mempunyai pengaruh terhadap persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing. Kajian Horwitz mendapati bahawa pelajar bahasa Jepun yang pernah berinteraksi dengan orang Jepun atau pernah pergi melawat negara Jepun mempunyai tahap keyakinan berkomunikasi yang lebih rendah berbanding dengan dengan pelajar yang tidak mempunyai pengalaman tersebut. Bagaimanapun kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain tidak menunjukkan bahawa faktor latar belakang bangsa dan budaya memberi kesan terhadap tahap keresahan yang dialami seseorang pelajar bahasa asing.

## **5.6 Cadangan**

Cadangan- cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu cadangan umum dan cadangan kajian lanjutan.

### **5.6.1 Cadangan Umum**

Berdasarkan kepada hasil analisis kajian, maka beberapa perkara perlu dicadangkan untuk memperbaiki tahap pencapaian program bahasa asing di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia secara amnya dan mengurangkan serta mengatasi masalah keresahan di kalangan pelajar bahasa asing sewaktu pembelajaran bahasa.

1. Terdapat ramai dikalangan pelajar yang mengalami keresahan terhadap pembelajaran bahasa asing. Oleh kerana ramai pelajar mempunyai keresahan terhadap berkomunikasi secara lisan dan perasaan takut terhadap penilaian negatif, guru bahasa asing hendaklah peka terhadap perasaan yang dialami oleh pelajar tersebut. Antara perkara yang boleh dilakukan ialah dengan memberi respon dan tindakbalas yang positif apabila meminta pelajar

berinteraksi di dalam kelas. Dengan mengadakan suasana pembelajaran yang mesra pelajar (non-threatening), lebih ramai pelajar akan merasa selesa untuk mempelajari bahasa tersebut.

2. Untuk membantu mengurangkan tekanan dan keresahan di kalangan pelajar yang mempelajari bahasa asing guru tersebut juga perlu menekankan teknik pengajaran yang pelbagai kepada pelajar. Penggunaan makmal bahasa juga dapat membantu mencapai matlamat pengajaran di mana pelbagai aktiviti yang menarik dapat dijalankan dengan menggunakan teknologi canggih. Selain daripada itu, latihan secara kumpulan kecil juga dapat mengurangkan rasa resah di kalangan pelajar. Apabila seseorang itu berada dalam satu kumpulan yang kecil, dia akan berasa lebih selamat dan tenteram terutamanya bagi aktiviti yang memerlukan dia berkomunikasi secara lisan berbanding dengan apabila berada dalam kumpulan yang lebih besar.
3. Guru bahasa asing juga perlu bersikap lebih sensitif terhadap proses penilaian yang dijalankan di dalam bilik kuliah. Penilaian yang berkala adalah lebih wajar dilakukan daripada penilaian besar di akhir semester. Begitu juga dengan aspek penilaian terhadap kemahiran asas. Walaupun kemahiran bahasa menekankan kepada aspek kemahiran menulis, membaca, bertutur dan mendengar, pelajar bahasa asing yang berada di tahap satu tidak mungkin dapat dinilai di atas keempat-empat kemahiran pada semester pertama. Penekanan harus diberikan kepada satu-satu aspek kemahiran mengikut semester dan tahap kursus tersebut seperti yang disarankan oleh ramai penyelidik bahasa asing.
4. Pihak yang bertanggungjawab terhadap program bahasa asing perlu menjalankan satu kajian penilaian secara terperinci untuk menilai keberkesanan program bahasa asing khususnya bagi kursus yang ditawarkan secara kredit. Proses penilaian ini harus memberi tumpuan kepada beberapa

faktor utama seperti keperluan pelajar, kumpulan sasaran dan matlamat pembelajaran itu sendiri.

5. Untuk memastikan lebih ramai pelajar berminat mempelajari bahasa asing, pihak universiti perlu menyediakan kurikulum bahasa asing yang lebih komprehensif dan bertepatan dengan keperluan pelajar apabila mereka bekerja kelak. Kurikulum bahasa asing sepatutnya lebih menjurus kepada kepada *content-based instruction* berdasarkan jurusan dan bidang pelajar ( Graves, 1996 & Johns 1991 dalam Casado, 2001).

### **5.6.2 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan**

Daripada kajian yang telah dijalankan, penyelidik menyarankan supaya kajian tentang pembelajaran bahasa asing dapat diteruskan di masa hadapan. Beberapa cadangan dikemukakan untuk penyelidikan akan datang iaitu:

1. Oleh kerana kajian ini hanya melibatkan pelajar yang mengikuti kelas bahasa Jepun, kajian lanjutan disarankan dilakukan terhadap pelajar yang mengikuti kelas bahasa asing yang lain seperti bahasa Mandarin, Perancis, Korea dan lain-lain. Ini dapat membantu penyelidik mendapat hasil kajian yang lebih menyeluruh.
2. Kaedah pengumpulan data yang dilakukan bergantung kepada soal-selidik semata. Oleh itu dicadangkan supaya penyelidik akan datang dapat menambah tata cara penyelidikan dengan menggunakan kaedah temuduga dan pemerhatian disamping soal-selidik yang diberikan.
3. Adalah disarankan supaya penyelidik akan datang dapat memperluas pernyataan dalam setiap aspek soal-selidik bagi mendapatkan keseimbangan dan kebolehpercayaan yang lebih jitu.

## **5.7 Penutup**

Hasil kajian ini mendapati pelajar bahasa asing mengalami tahap keresahan yang tinggi apabila mengikuti kelas bahasa asing yang ditawarkan oleh pihak universiti. Antara faktor yang mendatangkan keresahan di kalangan pelajar ini ialah kebimbangan berkomunikasi, keresahan terhadap penilaian negatif, dan keresahan umum. Oleh itu pelbagai usaha harus dilakukan untuk membantu pelajar bahasa asing ini untuk mengatasi keresahan yang dialami dalam usaha untuk meningkatkan kecermelangan mereka dalam menguasai bahasa selain daripada bahasa Inggeris. Usaha yang bersepadu daripada pelbagai pihak dapat membantu kemelut yang dialami ini agar aspirasi universiti untuk melahirkan graduan yang berketerampilan dapat direalisasikan.

## BIBLIOGRAFI

- A. L. Wenden & J. Rubin (Eds.), *Learner Strategies in Language Learning*. (p.119-129). London: Prentice-Hall.
- Alpert, R. & Haber, R. (1960). "Anxiety in Academic Achievement Situations". *Journal Of Abnormal and Social Psychology*, 61: 207-215.
- Aplén, R. (2000). "Why do pupils opt Out of Foreign Language Course?" A Pilot Study. *Educational Studies*, 1991, Vol.17, 1, p3-14.
- Brown, H. D. (1987). "Principles Of Language Learning and Teaching" (2<sup>nd</sup> ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Casado, Matt A.; Dereshiwsky, Mary I. (Dec 2001). "Foreign Language Anxiety of University Students". *College Student Journal*, Vol. 35 Issue 4: 539.
- Clement, R. (1987). "Second Language Proficiency and Acculturation: An Investigation of The Effects of Language Status and Individual Characteristics". *Journal of Language and Social Psychology*, 5, p. 271-290.
- Coleman, J. A. (1997). "Language Teaching". Cambridge University Press, 30, 1:1-20.
- Crowne, D.P., & Marlowe, D. (1964). "The Apporal Motive". New York: Wiley
- Daly, J. (1991). "Understanding Communication Apprehension: An Introduction for Language Educators". In E.K. Horwitz & D. J. Young (Eds.), "Language Anxiety: From Theory And Research To Classroom Implications (p.101-108)". Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Desrochers, A. M., & Gardner, R.C. (1981). "Second Language Acquisition: An investigation of a Bicultural Excursion Experience". Quebec: International Centre for Reseach on Bilingualism.
- Dulay, H., Burt, M., & Krashen, S. (1982). "Language Two". Oxford: Oxford University Press.
- Ely, C. M. (1986). "An Analysis of Discomfort, Risk-Taking, Sociability, And Motivation In The L2 Classroom". *Language Learning*, 36, p. 1-25.
- Feldhusen, J. F. et al. (1965). "Anxiety, Divergent Thinking, and Achievement". *Journal of Educational Psychology*, 56, p. 40-45.

- Foss, K., & Reitzel, A.C. (1988). "A Relational Model for Managing Second Language Anxiety". *TESOL Quarterly* 22, p.437-454.
- Gardner, R.C., Smythe, P.C. & Brunet, G.R. (1977). "Intensive Second Language Study: Effects on Attitudes, Motivation and French Achievement". *Language Learning*, 27, p. 243-261.
- Gardner, R.C., & Mac Intyre, P.D. (1993). "On The Measurement of Effective Variables In Second Language Learning". *Language Learning*, 43, p.157-194.
- Gardner, R.C., & Smythe, P.C. (1981). "On The Development of Attitude/Motivation Test Battery". *Canadian Modern Language Review*, 37, p. 510-525.
- Gardner, R.C., Smythe, P.C. & Lalonde, R. N. (1984). "The Nature and Replicability of Factor in Second Language Acquisition (Research Bulletin NO.605)". London, Ontario: The University of Western Ontario.
- Gardner, R.C., Smythe, P.C., & Clement, R. (1979). "Intensive Second Language Study In The Bicultural Millieu: An Investigation Of Attitudes, Motivation And Language Proficiency". *Language Learning*, 29, p. 305-320.
- Gardner, R.C., Smythe, P.C., Clement, R., & Glikzman, L. (1976). "Second Language Learning: A Social Psychological Perspective. *Canadian Modern language Review*, 32, p. 198-213.
- Granchow, L.Sparks, R. L. (1996). "Anxiety about Foreign Language Learning among High School Women". *The Modern Language Journal* 80", 199-212.
- Greist, J. H., & Jefferson, J.W. (1988). "Anxiety Disorders". Taken from the *Review of Journal Psychiatry*; H. Goldman, Ed. Norwalk: Appleton and Lange.
- Horner, L., Redmond, M. L. (2002). "Fear Factor: Foreign Language Anxiety in the Secondary Spanish Program". Wake Forest University.
- Horswill, Elizabeth A. (2002). "Foreign Language and Anxiety: A Literature Review". Wake Illinois University.
- Horwitz, Elaine K., Horwitz, Micheal B. & Cope, J. A. (1991). "Foreign Language Classroom Anxiety". In E. K. Horwitz & D. J. Young, *Language Anxiety: 27-39*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Horwitz, Elaine K., Horwitz, Micheal B. & Cope, Joann. (1986). "Foreign Language Classroom Anxiety". *The Modern Language Journal*, 70 (2): 125-132.



- Horwitz, E.K. (1983a). "*Beliefs About Language Learning Inventory*". Unpublished instrument. Austin: The University of Texas.
- Horwitz, E.K. (1983a). "*Language Anxiety: From Theory and Research to Classroom Implication*". Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Horwitz, E.K. (1983b). "*Foreign Language Classroom Anxiety Scale*". Unpublished manuscript.
- Horwitz, E.K. (1985). "*Using Student Beliefs About Language Learning and Teaching in the Foreign Language Methods Course*". *Foreign Language Annals*, 18, p. 333-340.
- Horwitz, E.K. (1986). "*Preliminary Evidence for the Reliability and Validity of a Foreign Language Anxiety Scale*". *TESOL Quarterly*, 20, p. 559-562.
- Horwitz, E.K. (1987). "*Surveying Students Beliefs About Language Learning*". In Horwitz, E.K. (1988). "*The Beliefs About Language Learning of Beginning University Foreign Language Students*". *Modern Language Journal*, 72, p. 125-132.
- Horwitz, E.K., Horwitz, M.B., & Cope, J.A. (1986). "*Foreign Language Classroom Anxiety*". *Modern Language Journal*, 70, p.125-132.
- Jorden, H. E., & Lambert, R. D. (1991). "*Japanese Language Instruction in the United States: Resources, Practice, and Investment Strategy*". Washington, D.C.: The National Foreign Language Center.
- Kern, R. (1995). "*Students and Teachers Beliefs About Language Learning*". *Foreign Language Annals*, 28, p. 71-92.
- Kleinmann, H. H. (1977). "*Avoidance Behavior in Adult Second Language Acquisition*". *Language Learning*, 27, p.93-107.
- Koba N., Ogawa N. and Wilkinson D. (2002). "*Using the Community Language Learning Approach to Cope with Language Anxiety*". Nagasaki: Siebold University of Nagasaki.
- Koch, A. S., & Terell, T. D. (1991). "*Affective Reactions of Foreign Language Students to Natural Approach Activities and Teaching Technique*". In E.K. Horwitz & D. J. Young (Eds.), *Language Anxiety: From Theory and Research to Classroom Implications* (p. 109-126). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Kowalski, R. M, & Leary, M.R. (1995). "*Social Anxiety*". New York: The Guilford Press.

- Krashen, S. (1982). *“Principals and Praticce in Second Language Acquisition”*. New York: Pergamon Press.
- Krashen, S. (1985). *“The input hypothesis”*. London: Longman.
- Lalonde, R. N., & Gardner, R. C. (1984). *“Investigating a causal model of second language acquisition: Where does personality fit?”*. Canadian Journal of Behavioral Science, 16, p.224-237.
- Mac Intyre, P. D. & Gardner, R. C. (1989). *“Anxiety and Second Language Learning: Toward a Theoretical Clarification”*. Language Learning, 39, p. 85-117.
- Mac Intyre, P.D. & Gardner, R.C. (1991). *“Methods and Result in the Study of Anxiety and Language Learning: A Review of the Literature”*. Language Learning, 41, p. 85-117.
- Mac Intyre, P.D. & Gardner, R.C. (1991a). *“The Effects of Induced Anxiety on Three Stages of Cognitive Processing in Second Language Learning ”*. Studies in Second Language Acquisition, 16, p. 1-17.
- Mac Intyre, P.D. & Gardner, R.C. (1991b). *“The Subtle Effects of Language Anxiety on Cognitive Processing in Second Language Learning”*. Studies in Second Language Acquisition, 44, p. 283-305.
- Macintyre, P. D. & Gardner, R. C. (1991a). *“Language Anxiety: Its Relationship to Another Anxieties and to Processing in Native and Second Language”*. Language Learning, 41, 4: 513-534.
- Madisen, H.S., Brown, B.L., & Jones, R.L. (1991). *“ Evaluating Students Attitudes Toward Second-Language Tests”*. In E.K. Horwitz & D.J. Young (Eds.). Language Anxiety: From Theory And Research To Classroom Implications (p. 65-86). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- McCargar, D. F. (1993). *“Teacher and Student Role Expectations: Cross-Cultural Differences and Implications”*. Modern Language Journal, 77, p.192-207.
- McCrosky, I. R. (1979). *“Means to Overcome the Anxieties of Second Language Learners”*. Foreign Language Annals, 12, p.185-189.
- McCrosky, J. C. (1984). *“The Communication Apprehension Perspective”*. In J.A. Daly & J. C. McCrosky (Eds), Avoiding Communication: Shyness, Retience, and Communication Apprehension (p.13-38). Beverly Hills, CA: SAGE.

- Munchick, A. G., & Wolfe, D. E. (1982). "*Attitudes and Motivations of American Student of Spanish*". The Canadian Modern Language Review, 38, p. 262-281.  
New York: McGraw-Hill.
- Oh, J. (1992). "*The Effects of L2 Reading Assessment Methods of Anxiety Level*". TESOL Quarterly, 26, p.172-176.
- Omaggio, A. C. (1978, May). "*Sucessful Language Learners: What Do We Know About Them?*" ERIC/CLL New Bulletin, p. 2-3.
- Park, G. P. (1995). "*Language Learning Strtegies and Belief about Language Learning of University Students Learning English in Korea*". Unpublished Doctoral Dissertation, The University of Texas at Austin.
- Pintrich, P. R., & De Groot, E. V. (1990). "*Motivational and Self-regulated Components of Classroom Academic Performance*". Journal of Educational Psychology, 38, p 119-125.
- Pililips, E. (1992). "*The Effect of Language Anxiety on Students Oral Performance and Attitudes*". Modern Language Journal, 76, p. 14-25.
- Powell, J.A. (1991). "*Foreign Language Classroom Anxiety: Institutional Response*". In E.K. Horwitz & D.J. Young (Eds.), Language Anxiety: From Theory and Research to Classroom Implication (p.169-179). Englewood Cliffs: NJ: Prentice-Hall.
- Price, G.L. (1991). "*The Subjective Experience of Foreign Language Anxiety: Interview with Highly Anxious Students*". In E.K. Horwitz & D.J. Young (Eds.), Language Anxiety: Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Price, M. L. (1991). "*The Subjective Experience of Foreign Language Anxiety: Interview with Highly Anxious Students*" in E. K. Horwitz & D. J. Young, Language Anxiety, 101-108. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Rivers, W. M. (1989). "*Ten Principles of Interactive Language Learning and Teaching*". NFLC Occasional papers, National Foreign Language Center at the John Hopkins University: Washington, D.C.
- Saito, Y. (1991). "*Toward a Pedagogical Definition of Business Japanese*". Paper presented at the meeting of the Midwest Coference on Asian Affairs, Iowa.
- Saito, Y. (1995). "*Assessing Perceived Needs of Japanese Language Training in U.S. Business Education: Perpectives from Students, Business Faculty, and Business Professionals*". Foreign Language Annuals, 28, No. 1, p.103-115.

- Samimy, K. K. & Tabuse, M. (1992). "*Affective Variables and a Less Commonly Taught Language: A Study in Beginning Japanese Classes*". *Language Learning*, 42, p. 337-398.
- Sanchez-Herrero, S. A., & Sanchez, M.P. (1992). "*The Predictive Validation of an Instrument Designed to Measure Student Anxiety in Learning a Foreign Language*". *Educational and Psychology*, 52, p.201-206.
- Sarason, I. G. (1961). "*Test Anxiety and intellectual Performance of College Students*". *Journal of Educational Psychology*, 52, p 201-206.
- Sarason, I. G. (1984). "*Stress, Anxiety, and Cognitive Interference: Reaction to Tests*". *Journal of Personality and Social Psychology*, 48, p 929-938.
- Schumann, John H. (1975). "*Affective Factors and Problem of Age in Second Language Acquisition*". *Language Learning*, 25, p.209-235.
- Schumann, John H. (1976). "*Social Distance As a Factor in Sector in Second Language Acquisition*". *Language Learning*, 26, p.135-143.
- Schwarz, R.L. (1997). "*Learning Disabilities and Foreign Language Learning: A Painful Collision*". American University.
- Scovel, T. (1978). "*The Effect of Affect on Foreign Language Learning: A Review of the Anxiety Research*". *Language Learning*, 28, 192-142.
- Scovel, T. (1978). "*The Effect of Effect: Are view of the Anxiety Literature*". *Language Learning*, 28, p. 129-142.
- Scovel, T. (1991). "*The Effect of Affect on Foreign Language Learning: A Review of the Anxiety Research*". In E. K. Horwitz & D. J. Young, *Language Anxiety*,: 101-108. Englewood Cliffs, N.J: Prentice Hall.
- Spielberger, C.D. (1983). "*Manual for the State-trait Anxiety Inventory (STAI-Form Y)*". Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.
- Steinberg, F. S., & Horwitz, E. K. (1986). "*The Effect of Induced Anxiety on the Denotative and Interpretive Contact of Second Language Speech*". *TESOL Quarterly*, 20, p. 131-136.
- Steinberg, F.S., & Horwitz, E.K. (1986). "*The Effect of Induced Anxiety on the Denotative and Interpretive Content of Second Language Speech*". *TESOL Quarterly*, 20, p.131-136.
- Steinberg, F.S., & Horwitz, E.K. (1986). "*The Effect of Induced Anxiety on the denotative and Interpretive Content of Second Language Speech*". *TESOL Quarterly*, 20, 131-136.

- Stevick, E. W. (1978). *“Memory, Meaning and Method”*. Rowley, Mass: Newbury House.
- Taylor, J. L. (1953). *“Personality Scale of Manifest Anxiety”*. *Journal of Abnormal Social Psychology*, 48, p. 285-290.
- Tobias, S. (1986). *“Anxiety and Cognitive Processing of Instruction”*. In R. Schwarver (Ed.), *Self-Related Cognition in Anxiety and Motivation*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Tohsaku, Y.H. (1994). *Yookaso!: “An Invitation to Contemporary Japanese”*.
- Truitt, S.N. (1995). *“Anxiety and Beliefs about Language Learning: A Study of Korean University Students Learning English”*. Unpublished Doctoral Dissertation, The University of Texas at Austin.
- Trylong, V. L. (1987). *“Aptitude, Attitude, and Anxiety: A Study of Their Relationships to Achievement in Foreign Language Classroom”*. Unpublished doctoral dissertation, Purdue University, West Lafayette, IN.
- Tucker, R. E., Hayayan, E., & Genesee, F. H. (1976). *“Affective, Cognitive, and Social Factors in Second Language Acquisition”*. *Canadian Modern Language Review*, 32, p. 214-226.
- Watson, D., & Friend, R. (1969). *“Measurement of Social-Evaluative Anxiety”*. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 33, p. 448-457.
- Wenden, Anita L. *“How to be Successful Language Learner: Insight and Precriptions from L2 Learners”*. In A.L. Wenden & J. Rubin (Eds.), *Learner Strategies in Language Learning* (p. 103-114). London: Prentice-Hall.
- Wittmaier, B. (1972). *“Test Anxiety and the Direction of Attention”*. *Journal of Educational Research*, 46, p. 929-938.
- Yang, N. D. (1992). *“Second Language Learners Beliefs About Language Learning and Their Use of Learning Strategies: A Study of College Students of English in Taiwan”*. Unpublished Doctoral Dissertation. The University of Texas at Austin.
- Young, D.J. (1986). *“The Relationship Between Anxiety and Foreign Language Oral Proficiency Rating”*. *Foreign Language Annals*, 12, p.439-448.
- Young, D.J. (1991). *“Creating a Low-anxiety Classroom Enviroment: What Does Language Anxiety Research Suggest?”* *Modern Language Journal*, 75, p.426-436.

- Young, D.J. (1992). "*Language Anxiety from the Foreign Language Specialist's Perspective: Interviews with Krashen, Omaggio Hadley, Terrell & Rardin*". *Foreign Language Annals*, 75, p.426-436.
- Young, J., & Nakajima-Okano, K. (1984). "*Learn Japanese: New College Text Vol. II.*" Honolulu: University of Hawaii Press.

DEPARTMENT OF MODERN LANGUAGES  
FACULTY OF MANAGEMENT AND HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
SKUDAI, JOHOR



A STUDY ON FOREIGN LANGUAGE LEARNING

QUESTIONNAIRE

The purpose of this questionnaire is to find out the perceptions of students towards foreign language learning particularly when taking the Japanese language class at UTM. The responses gathered through this questionnaire will provide feedback that can strengthen the foreign language programme offered by the Department of Modern Languages. Besides, they can also contribute in the adaptation and modification of the foreign language curricula to suit the students' needs. Your participation in this survey is very much needed and appreciated. Thank you.

*Matlamat soal-selidik ini adalah untuk mendapatkan persepsi pelajar mengenai pembelajaran bahasa asing terutamanya apabila mengikuti kelas bahasa Jepun di UTM. Maklumbalas yang diterima akan digunakan untuk mengukuhkan program bahasa asing yang ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Moden. Selain itu ianya juga dapat menyumbang di dalam pengadaptasian dan pemodifikasian kurikulum bahasa asing mengikut keperluan pelajar. Penglibatan saudara/i di dalam soal-selidik ini adalah sangat-sangat diperlukan dan dihargai. Terima kasih.*

Researchers:  
*Penyelidik:*

Puan Wan Zarina Wan Zakaria  
Dr Azizah Rajab  
Puan Nur-Al Huda Hashim

## **Part A :**

Instruction: For each of the following statement, please circle the number that best represents your choice.

*Arahan : Baca pernyataan di bawah dan pilih satu jawapan serta bulatkan nombor yang mewakili pilihan anda.*

For each statement, the following five options are given :

*Bagi setiap pernyataan, terdapat 5 pilihan yang diberi :*

1. Strongly Agree  
*Sangat Setuju*

2. Agree  
*Setuju*

3. Undecided  
*Tidak Pasti*

4. Disagree  
*Tidak Setuju*

5. Strongly Disagree  
*Sangat Tidak Setuju*

1. I never feel quite sure of myself when I am speaking Japanese in my Japanese class. 1 2 3 4 5  
*Saya sentiasa berasa kurang yakin semasa menggunakan Bahasa Jepun di dalam Kelas Bahasa Jepun.*

2. I do not worry about making mistakes in my Japanese class. 1 2 3 4 5  
*Saya tidak bimbang melakukan kesilapan bahasa Jepun di dalam kelas.*

3. I tremble when I know that I'm going to be called in Japanese class. 1 2 3 4 5  
*Saya berasa gugup apabila saya tahu yang saya akan dipanggil oleh sensei dalam kelas bahasa Jepun.*

4. It frightens me when I do not understand what the teacher is saying in Japanese. 1 2 3 4 5  
*Saya berasa gementar apabila saya tidak faham apa yang dipertuturkan oleh sensei dalam bahasa Jepun.*

5. It would not bother me at all to take more Japanese language. 1 2 3 4 5  
*Saya tidak takut untuk mengambil kelas bahasa Jepun yang seterusnya.*

6. During Japanese class, I find myself thinking about things that have nothing to do with the language. 1 2 3 4 5  
*Semasa di dalam kelas, saya sentiasa berfikir tentang perkara yang tidak berkaitan dengan bahasa Jepun.*



7. I keep thinking that other students are better in Japanese language than I am. 1 2 3 4 5  
*Saya sering merasakan bahawa pelajar lain mempunyai penguasaan Bahasa Jepun yang lebih baik dari saya.*
8. I am usually at ease during tests in my Japanese class. 1 2 3 4 5  
*Saya selalu merasa tenang ketika mengambil ujian bahasa Jepun.*
9. I start to panic when I have to speak without preparation in my Japanese class. 1 2 3 4 5  
*Saya akan berasa panik sekiranya saya terpaksa bertutur dalam bahasa Jepun tanpa sebarang persediaan.*
10. I worry about the consequences of failing my Japanese class. 1 2 3 4 5  
*Saya bimbang mengenai kesan daripada kegagalan dalam kelas bahasa Jepun.*
11. I do not understand why some people get so upset over Japanese classes. 1 2 3 4 5  
*Saya tidak faham mengapa sesetengah pelajar berasa tertekan disebabkan oleh kelas bahasa Jepun.*
12. In my Japanese class, I can get so nervous I forget things I know 1 2 3 4 5  
*Di dalam kelas Jepun, saya akan berasa gugup sehingga terlupa apa yang saya telah tahu.*
13. It embarrasses me to volunteer answers in my class. 1 2 3 4 5  
*Saya malu untuk menjawab soalan secara sukarela semasa di dalam kelas.*
14. I would not be nervous speaking in Japanese with native speakers. 1 2 3 4 5  
*Saya tidak akan berasa gementar untuk bercakap Jepun dengan orang-orang Jepun.*
15. I get upset when I do not understand what the teacher is correcting 1 2 3 4 5  
*Saya berasa kecewa apabila saya tidak faham pembetulan yang diberi oleh sensei.*
16. Even when I am well prepared for my Japanese class, I feel anxious about it. 1 2 3 4 5  
*Walaupun saya sudah membuat persediaan yang baik untuk kelas bahasa Jepun, saya masih berasa risau.*
17. I often feel like not going to my Japanese class. 1 2 3 4 5  
*Saya selalu berasa seperti tidak mahu pergi ke kelas bahasa Jepun.*
18. I feel confident when I speak using Japanese in my class. 1 2 3 4 5  
*Saya berasa yakin apabila saya bertutur menggunakan bahasa Jepun ketika di dalam kelas.*

19. I am afraid that my teacher is ready to correct every mistake I make. 1 2 3 4 5  
 Saya merasa gentar apabila sensei sentiasa hendak memperbetulkan setiap kesalahan penggunaan bahasa Jepun saya.
20. I can feel my heart pounding when I am going to my Japanese class. 1 2 3 4 5  
 Saya dapat merasakan jantung saya berdegup ketika hendak pergi ke kelas bahasa Jepun.
21. The more I practice in Japanese the more confused I get. 1 2 3 4 5  
*Semakin kerap saya berlatih berbahasa Jepun, saya jadi semakin keliru.*
22. I do not feel pressure to prepare very well in Japanese for my class. 1 2 3 4 5  
*Saya tidak berasa tertekan untuk membuat persediaan yang baik untuk kelas bahasa Jepun saya.*
23. I always feel that the other students speak Japanese better than I do. 1 2 3 4 5  
*Saya selalu beranggapan bahawa pelajar lain lebih fasih berbahasa Jepun berbanding dengan saya.*
24. I feel very self-conscious about speaking using Japanese in front of other students. 1 2 3 4 5  
*Saya berasa segan dan malu sendiri apabila bercakap Jepun di depan pelajar lain.*
25. Japanese class moves so quickly; I worry about getting left behind. 1 2 3 4 5  
*Kelas bahasa Jepun berjalan dengan cepat, saya bimbang jikalau ketinggalan.*
26. I feel more tense and nervous in my Japanese than in my other classes. 1 2 3 4 5  
*Saya berasa lebih tertekan dan gementar dalam kelas bahasa Jepun berbanding dengan kelas saya yang lain.*
27. I get nervous and confused when I am speaking using Japanese in my class. 1 2 3 4 5  
*Saya berasa gementar dan keliru apabila bertutur menggunakan bahasa Jepun.*
28. When I am on my way to my Japanese class, I feel very sure and relaxed. 1 2 3 4 5  
*Apabila saya berjalan untuk ke kelas bahasa Jepun, saya berasa yakin dan tenang.*
29. I get nervous when I do not understand every word the Japanese teacher says. 1 2 3 4 5  
*Saya jadi gementar apabila saya tidak faham setiap butir perkataan yang dipertuturkan oleh sensei.*

30. I feel overwhelmed by the number of roles I have to learn to speak Japanese. 1 2 3 4 5  
*Saya berasa seperti tertekan dengan jumlah peranan yang harus saya belajar untuk berbahasa Jepun.*
31. I am afraid that the students will laugh at me when I speak using Japanese language. 1 2 3 4 5  
*Saya takut pelajar yang lain akan mentertawakan saya apabila saya bertutur dalam bahasa Jepun.*
32. I would probably feel comfortable using Japanese with other native speakers. 1 2 3 4 5  
*Saya mungkin berasa selesa menggunakan bahasa Jepun dengan orang-orang Jepun.*
33. I get nervous when the teacher asks questions using Japanese which I have not prepared in advance. 1 2 3 4 5  
*Saya menjadi gementar apabila sensei bertanya soalan dalam bahasa Jepun untuk perkara saya tidak bersedia.*